

ASAL-USUL PERJUANGAN MASYARAKAT SIVIL CINA DI MALAYA TENTANG PERSOALAN PERLEMBAGAAN KEMERDEKAAN TERUTAMANYA PERSOALAN JUS SOLI

THE GENESIS OF MALAYAN CHINESE CIVIL SOCIETY'S STRUGGLE FOR CONSTITUTIONAL EQUALITY IN PARTICULAR JUS SOLI

Helen Mu Hung Ting^{1*} and Chang Yee Siew²

¹Institute of Malaysian and International Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA

²Institute of the Malay World and Civilization, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding author: helenting@ukm.edu.my

Published online: 28 September 2018

To cite this article: H. Ting M. H. and Siew, C. Y. 2018. Asal-usul perjuangan masyarakat sivil Cina di Malaya tentang persoalan perlembagaan kemerdekaan terutamanya persoalan jus soli. *Kajian Malaysia* 36(2): 113–146. <https://doi.org/10.21315/km2018.36.2.6>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2018.36.2.6>

ABSTRAK

Artikel ini merupakan kajian sejarah tentang asal-usul usaha masyarakat sivil Cina memperjuangkan kedudukan mereka dalam negara bangsa Persekutuan Tanah Melayu yang bakal dibentuk. Prinsip asas yang diperjuangkan di sebalik isu-isu yang dibangkitkan seperti kerakyatan, hak istimewa kaum Melayu, bahasa dan budaya merupakan prinsip kesamarataan di antara kaum. Aplikasi seragam prinsip kerakyatan berasaskan jus soli (kelahiran tempatan) yang mewarnai perspektif mereka sering disalah tafsir atau diabaikan oleh sarjana-sarjana yang semata-mata menyifatkan mereka sebagai ekstremis atau chauvinis. Dalam pensejarahan aliran perdana, perspektif negara bangsa masyarakat Cina seringkali dikaitkan dengan Malayan Chinese Association (MCA). Namun perspektif negara bangsa yang akhirnya didukung oleh MCA semasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan sebenarnya tidak membayangkan keseluruhan aspirasi komuniti Cina. Sebaliknya, kekhawatiran tentang kelemahan kepimpinan tertinggi MCA untuk mempertahankan kepentingan komuniti Cina telah mencetuskan usaha tokoh-tokoh masyarakat Cina untuk menyatupadukan suara komuniti Cina di luar kerangka politik MCA demi memperjuangkan aspirasi

mereka terhadap Perlembagaan kemerdekaan. Satu perhimpunan besar dengan wakil-wakil persatuan Cina dari seluruh persekutuan diadakan di Stadium Chin Woo, Kuala Lumpur pada 27 April 1956. Empat tuntutan yang diluluskan untuk diserahkan kepada Suruhanjaya Perlembagaan Reid telah mendapat pengesahan daripada 1,094 pertubuhan Cina di seluruh negara. Artikel ini menyelami konteks dan proses spesifik yang mendorong penganjuran perhimpunan tersebut serta peranan masing-masing yang dimainkan oleh tokoh-tokoh yang digelar "the Big Four" pada bulan Mac dan April 1956. Peristiwa ini menandakan kebangkitan kesedaran dalam kalangan komuniti Cina untuk memperjuangkan kedudukan di Tanah Melayu yang merdeka dan aspirasi terhadap suatu bentuk "multicultural nation". Walaupun tidak berjaya dalam usaha mereka, pertempuran di antara perspektif negara bangsa yang berlainan ini terus mencorakkan bentuk politik etnik selepas kemerdekaan. Sumber maklumat yang digunakan adalah keratan akhbar The Straits Times, The Singapore Free Press dan Nanyang Siang Pau, dokumen kolonial rasmi, dokumen terpilih dalam Koleksi Tan Cheng Lock di Arkib Negara dan Koleksi H.S. Lee di ISEAS Singapura, serta memoir Lim Lian Geok.

Kata kunci: jus soli, kewarganegaraan, perundingan antara etnik, "Big Four," Tunku Abdul Rahman

ABSTRACT

This article is a historical study of the genesis of the struggle of the Chinese civil society for their place in an independent Federation of Malaya. The fundamental principle underlining their concern for various issues was the principle of equality. Equal application of the principle of nationality by right of birth (jus soli) was a central issue, yet most scholars either misunderstood or ignored the issue and labelled them simply as extremists or chauvinists. In the mainstream historiography, the Malayan Chinese Association (MCA) was regarded as representative of the Chinese community then. Nonetheless, the Alliance intercommunal compromise in the Federal Constitution fell short of the aspiration of the Chinese community. In fact, it was the concern over the inability of the highest MCA leadership to defend the interests of the Chinese community that had caused a split in MCA and triggered the efforts to unite outside the MCA. A national rally attended by delegates of Chinese associations took place at Chin Woo Stadium, Kuala Lumpur on 27 April 1956. The four demands that were approved to be submitted to the Reid Constitutional Commission received endorsement from 1,094 Chinese associations throughout the federation. This article examines the specific context and process which had brought about the mass rally, as well as the respective role played by specific Chinese leaders in March and April 1956. This event marked an awakening

of the Chinese community to struggle for a place in an independent Malaya and their aspiration for a multicultural form of nation. Despite their lack of success in getting their demands met, this struggle over differing nationviews continue to shape the post-independence ethnic politics. Sources used include newspaper cuttings from The Straits Times, The Singapore Free Press and Nanyang Siang Pau among others, official colonial documents, documents from Tan Cheng Lock Collection in Arkib Negara and H.S. Lee Collection in ISEAS Singapore as well as the memoirs of Lim Lian Geok.

Keywords: jus soli, citizenship, interethnic negotiations, the "Big Four," Tunku Abdul Rahman

PENDAHULUAN

Artikel ini menyelami asal-usul perjuangan masyarakat sivil Cina di Tanah Melayu tentang isu perlembagaan terutamanya persoalan kerakyatan apabila pembentukan Suruhanjaya Reid yang bertanggungjawab menggubal Perlembagaan Persekutuan diumumkan pada awal 1956. Sebenarnya, prinsip asas yang diperjuangkan di sebalik isu-isu yang dibangkitkan seperti kerakyatan, hak istimewa kaum Melayu, bahasa dan budaya ialah prinsip kesamarataan di antara kaum. Di antara isu-isu tersebut, hak kerakyatan merupakan perkara pokok. Hal ini disebabkan tanpa hak kerakyatan, isu lain menjadi kurang relevan.

Dalam pensejarahan aliran perdana, perspektif negara bangsa masyarakat Cina seringkali dikaitkan dengan Malayan Chinese Association (MCA), satu-satunya parti politik yang dikatakan mewakili suara masyarakat Cina pada masa itu. Namun begitu, perspektif negara bangsa yang akhirnya didukung oleh MCA semasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan sebenarnya tidak membayangkan keseluruhan aspirasi komuniti Cina.¹ Sesungguhnya, kekhawatiran tentang kelemahan kepimpinan tertinggi MCA untuk mempertahankan kepentingan komuniti Cina, terutamanya tentang isu kerakyatan, telah mencetuskan usaha tokoh-tokoh masyarakat Cina untuk menyatupadukan suara masyarakat Cina di luar kerangka politik MCA demi memperjuangkan aspirasi mereka terhadap perlembagaan kemerdekaan serta negara bangsa Persekutuan Tanah Melayu yang bakal dibentuk. Akibatnya, satu perhimpunan wakil-wakil persatuan Cina dari seluruh persekutuan diadakan di Kuala Lumpur pada 27 April 1956. Perhimpunan ini juga melantik sebuah Jawatankuasa Ad Hoc² yang dianggotai oleh 15 wakil untuk mengambil tindakan selanjutnya tentang isu perlembagaan. Peristiwa ini menandakan kebangkitan kesedaran komuniti Cina untuk memperjuangkan kedudukan mereka di Tanah Melayu yang merdeka dan aspirasi mereka terhadap suatu bentuk *multicultural nation*.

Antara kajian akademik yang membincangkan peranan persatuan-persatuan Cina dalam proses perundingan kemerdekaan di Tanah Melayu termasuk Heng (1988), Khor (2007), Fernando (2002), Wong (1980), Oong (1973), Choi (1990), dan Chan (1965). Namun, konteks dan proses spesifik yang membawa kepada perhimpunan itu serta peranan masing-masing yang dimainkan oleh tokoh-tokoh tidak diberi perhatian dalam mana-mana kajian tersebut.

Kajian Fernando (2002), Oong (1973) dan Chan (1965) sebenarnya tidak berfokus kepada peranan masyarakat sivil Cina dalam proses perundingan tersebut. Fernando (2002) yang mengkaji proses penggubalan perlembagaan merujuk kepada golongan ini sebagai "*Chinese Radicals*" dan hanya membincangkan secara sepintas lalu tentang perspektif mereka. Kajian Chan (1965) tentang MCA juga tidak banyak memberi perhatian tentang perjuangan golongan ini, namun perbincangan beliau tentang orientasi pemimpin-pemimpin yang terlibat akan diteliti. Latihan ilmiah sarjana muda Oong (1973) mengkaji tentang Parti Malaya yang bertapak di Melaka, seterusnya ke London bersama wakil Jawatankuasa Ad Hoc untuk memberi maklum balas tentang draf perlembagaan yang digubal oleh Suruhanjaya Reid. Salah seorang pengasas Parti Malaya merupakan Tan Kee Gak, bekas pemimpin MCA yang juga merupakan salah seorang ahli Presidium Jawatankuasa Ad Hoc itu.

Artikel Khor (2007) membincangkan secara keseluruhan proses perjuangan persatuan-persatuan Cina dan peranan Jawatankuasa Ad Hoc sehingga Perlembagaan diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada Julai 1957, tanpa menjelaskan konteks spesifik kebangkitan idea untuk menganjurkan perhimpunan tersebut dan proses persediaan perhimpunan. Wong (1980) dan Choi (1990) melihat usaha awal pertubuhan-pertubuhan Cina untuk mengemukakan tuntutan mereka tentang isu kerakyatan, namun tidak juga membicarakan peristiwa spesifik yang seterusnya mendorong penganjuran perhimpunan besar tersebut.

Kajian Heng (1988) meneliti persefahaman di antara pemimpin tertinggi MCA-UMNO (United Malays National Organisation) tentang isu perlembagaan. Beliau membicarakan usaha pergerakan masyarakat sivil Cina tersebut secara sampingan, sebagai episod keretakan dalaman MCA. Heng (1988) juga menarik perhatian terhadap latar belakang ramai pemimpin-pemimpin pergerakan itu yang merupakan bekas pemimpin Kuomintang sebelum pengharaman organisasi tersebut.³ Namun perkembangan kronologi sehingga penganjuran perhimpunan tidak diteliti oleh Heng (1988). Merujuk kepada dokumen-dokumen sulit di arkib MCA, beliau mendedahkan persetujuan awal Tunku Abdul Rahman, presiden UMNO, kepada prinsip kerakyatan jus soli (kelahiran tempatan) bagi penduduk bukan Melayu. Namun, beliau tidak menganalisis perkembangan isu jus soli secara sistematik, termasuk pendirian Tunku Abdul Rahman yang berbolak-balik tentangnya. Isu jus soli sering disalahfaham atau diabaikan dalam karya-karya sarjana, walaupun isu ini mewarnai perspektif perjuangan persatuan-persatuan

Cina. Walaupun ramai sarjana mengakui status orang Cina yang lahir di negeri-negeri Melayu naungan sebagai rakyat raja (*subjects of the ruler*) (Carnell, 1952: 510; Ratnam, 1965: 72; Sinnadurai, 1978: 72; Mohamed Suffian, 1972: 207; Emerson, 1964: 509; Cheah, 1978; Lau, 1991: 17; Low, 2013: 26; Milner dan Ting, 2014: 27), namun realiti ini tidak diberi perhatian dalam penilaian hasil perundingan tentang hak kerakyatan. Akibatnya, Ratnam (1965: 86) menyifatkan reaksi komuniti Cina terhadap perundangan kerakyatan 1952 seakan-akan mereka tamak dan tidak berpuas hati dengan apa yang mereka telah ada. Pemimpin-pemimpin MCA seperti H. S. Lee dan Tan Cheng Lock dikatakan mengkritik dengan tegas terhadap perundangan tersebut (Oong, 2000: 158). Namun, Oong (2000) turut menganggap perundangan tersebut sebagai sesuatu yang positif bagi komuniti Cina tanpa memahami implikasi negatifnya. Malahan buku teks sejarah menyifatkan perundangan 1952 sebagai "korban" di sisi komuniti Melayu yang menguntungkan komuniti Cina (Ting, 2009b). Dokumen rasmi berkenaan kerakyatan yang dirujuk dalam artikel ini juga menunjukkan bahawa sikap berat sebelah pegawai tinggi kolonial merupakan salah satu halangan penting terhadap perjuangan jus soli pemimpin-pemimpin Cina.

Lantaran itu, artikel ini merungkai kekeliruan dalam persoalan kerakyatan dan meneliti konteks dan proses spesifik pada bulan Mac dan April 1956 sehingga penganjuran perhimpunan dan pelantikan Jawatankuasa Ad Hoc yang mewakili suara persatuan-persatuan Cina di seluruh Malaya dalam isu perlembagaan. Artikel ini juga mencadangkan supaya memahami konflik ini sebagai pertembungan di antara perspektif negara bangsa yang berbeza, yang terus mencorakkan bentuk politik etnik selepas kemerdekaan.

LATAR BELAKANG SEJARAH

British Malaya terdiri daripada tiga bentuk pentadbiran yang berbeza, iaitu Negeri-negeri Selat yang merupakan tanah jajahan, Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu di bawah struktur pentadbiran British berpusat, dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu di mana pengaruh British terkesan secara lebih diskret melalui seorang penasihat. Pengawasan British dalam bentuk campuran penjajahan secara langsung (sebagai tanah jajahan) dan tidak langsung (sebagai negeri naungan atau *protected states*) ini merangkumi seluruh semenanjung pada tahun 1914.

Selepas Perang Dunia Kedua, British cuba memperkenalkan Pelan Kesatuan Malaya pada April 1946 yang menyatukan semua negeri-negeri di bawah pentadbiran British yang berpusat. Antara dasar yang mencetuskan bantahan keras daripada komuniti Melayu adalah dasar kewarganegaraan di mana semua penduduk yang mempunyai kelahiran tempatan menjadi warganegara *Malayan Union*.⁴ Pelan Kesatuan Malaya diumumkan ketika ketegangan di antara kaum Melayu dan

Cina masih berada pada tahap yang tinggi akibat konflik dan pembunuhan antara etnik yang berlaku apabila Jepun mengundur diri dari Tanah Melayu.

Susulan mobilisasi persatuan-persatuan Melayu di seluruh Tanah Melayu menentang Kesatuan Malaya, UMNO diwujudkan. Pemimpin UMNO seterusnya berjaya mencegah implementasi sepenuhnya Kesatuan Malaya dan mencapai persetujuan dengan pentadbiran British dan Raja-raja Melayu untuk menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu pada Februari 1948. Masalah persoalan kewarganegaraan bagi penduduk Cina di negeri-negeri Melayu bermula dengan peruntukan berkenaan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, yang dibantah oleh gerakan anti-persekutuan multietnik bergelar All-Malaya Council of Joint Action, dan Pusat Tenaga Rakyat (AMCJA-PUTERA) (Low, 2013), namun gagal dihentikannya.

Permasalahan Kerakyatan (*Nationality*) dan Kewarganegaraan (*Citizenship*)

Di bawah pentadbiran British sebelum Perang Dunia Kedua, orang Cina yang dilahirkan di negeri-negeri Melayu dianggap secara *de facto* sebagai rakyat raja (*subjects of the ruler*) dan *British protected persons*. Hal ini telah disahkan dalam suatu kes keputusan mahkamah pada 1931 berdasarkan perundangan dan amalan antarabangsa semasa (*Ho Chick Kwan v. The British Resident, Selangor & Anor*, 1932).⁵ Namun status ini tidak diguna pakai di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 untuk tujuan menganugerahkan Kewarganegaraan Persekutuan (*Federal Citizenship*) bagi orang Cina yang telah dilahirkan di negeri-negeri Melayu. Syarat tambahan juga dikenakan di mana kedua-dua ibubapa pemohon perlu lahir di Tanah Melayu. Hal ini khususnya ditujukan kepada orang Cina kerana orang Melayu dikecualikan daripada syarat tambahan ini. Situasi ini mewujudkan status kerakyatan (sebagai rakyat raja) seseorang itu tidak selaras dengan status kewarganegaraannya (Sinnadurai, 1978). Di negeri-negeri Selat, isu ini tidak timbul di mana kerakyatan sebagai *British subject* berasaskan jus soli telah dilaksanakan sejak tahun 1867, dan mereka dijadikan Warganegara Persekutuan secara automatik di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Seterusnya, persetujuan sebulat suara dicapai di Communities Liaison Committee (CLC) pada Disember 1949 supaya prinsip jus soli diperkenalkan terhadap semua supaya orang Cina yang lahir di negeri-negeri Melayu juga layak menjadi Warganegara Persekutuan secara automatik (Tan n.d.: 14–17; Koleksi Kertas H. S. Lee : Surat Tan Cheng Lock kepada Yong Shook Lin, 1950).⁶ Namun dalam surat beliau kepada pegawai Pejabat Kolonial, J. J. Paskin bertarikh 31 Disember 1949, Pesuruhjaya Tinggi Gurney telah menyatakan pertentangan beliau dengan jus soli tanpa syarat (Stockwell, 1995, Vol. II: 192; 188).

Dalam mesyuarat CLC pada April 1950, keputusan ini telah diubah dengan syarat tambahan bahawa salah seorang ibubapa individu berkenaan juga kelahiran tempatan (*The Straits Times*, 1950). Konteks darurat mendesak untuk menyelesaikan status penduduk Cina secara definitif supaya menyenangkan pengusiran anasir komunis oleh pentadbiran British (Carnell, 1952). Pesuruhjaya Tinggi Gurney turut menerangkan keperluan penggubalan perundangan kerakyatan kepada Persidangan Raja-raja atas sebab bahawa tanpa undang-undang spesifik tersebut, sesiapa yang dilahirkan di negeri Melayu menjadi rakyat raja secara *de facto* (Fernando 2012: 299).

Dalam konteks darurat, Pesuruhjaya Tinggi Gurney berasa hanya kaum Melayu boleh dipercayai untuk mengatasi komunisme manakala sokongan kaum Cina diragui: "*our Chinese may also be (supporting us) today they may not be tomorrow*". Beliau memperkenankan supaya British memelihara sokongan dan kerjasama sepadu dengan kaum Melayu dan raja-raja Melayu, biarpun mengorbankan kepentingan sewajar komuniti Cina (*even at the expense of legitimate Chinese interests*) dalam negeri-negeri Melayu (Stockwell, 1995, Vol. II: 148–149).

Pertimbangan keselamatan dan pengawalan populasi diutamakan dalam pentadbiran British, dan salah satu tujuan perundangan kerakyatan 1952 adalah untuk "*deprive those locally born Chinese who are at present regarded as inassimilable (sic) of their British status*" (Carnell, 1952: 515). Sempena lawatan Setiausaha Kolonial Oliver Lyttelton ke Kuala Lumpur, MCA yang diketuai oleh Tan Cheng Lock telah mengemukakan sebuah memorandum kepada Lyttelton pada 2 Disember 1951 tentang isu kerakyatan dan dasar terhadap penduduk Cina di Tanah Melayu dalam konteks darurat. Tan menyalahkan sikap anti-Cina "Malayan Officialdom" British ini yang menghasilkan dasar kerakyatan yang tidak adil terhadap penduduk Cina (Koleksi Kertas Tan Cheng Lock : Memorandum 1951).

Akhirnya, undang-undang kerakyatan yang digubal dan diluluskan pada Mei 1952 menetapkan bahawa individu bukan Melayu yang lahir di negeri-negeri Melayu hanya layak berstatus rakyat raja (dan dengan itu menjadi Warganegara Persekutuan Tanah Melayu secara serentak) secara automatik sekiranya salah seorang ibubapanya juga dilahirkan di Tanah Melayu. Dalam kata lain, perundangan kerakyatan tersebut melucutkan kerakyatan sebahagian orang Cina yang merupakan anak kelahiran tempatan namun mempunyai ibubapa yang berasal dari China. Dengan ini, undang-undang kerakyatan 1952 menyelaraskan status kerakyatan (pada taraf negeri) dengan kewarganegaran (pada taraf persekutuan), dan juga status orang Cina kelahiran tempatan yang mempunyai seorang ibu atau bapanya yang dilahirkan di negeri-negeri Melayu naungan. Walau bagaimanapun undang-undang kerakyatan ini juga menyisihkan ramai orang Cina di mana

"*they have been accorded less than justice*" (Carnell, 1952: 516) kerana kerakyatan jus soli mereka telah dirampas. Keadaan ini menyebabkan status perundangan terus merosot menjelang kemerdekaan berbanding dengan keadaan di bawah penjajahan sebelum Perang Dunia Kedua. Oleh itu, pemimpin masyarakat sivil Cina bertegas supaya hak jus soli dipulih semula di ambang pencapaian kemerdekaan.⁷

Perubahan Perhubungan Kuasa UMNO-MCA dan Perundingan Jus Soli

Kerjasama sementara di antara UMNO dengan MCA pada pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 telah membawa kepada pembentukan struktur politik tetap di antara dua parti yang dikenali sebagai Parti Perikatan (the Alliance Party). Menurut Fernando (2002), kerjasama UMNO-MCA dalam perjuangan politik telah memupuk perhubungan yang erat di antara pemimpin tertinggi mereka. Hal ini telah membolehkan persetujuan dicapai di antara mereka tentang isu-isu perlembagaan utama yang mencetuskan perbalahan antara etnik sengit dalam kalangan awam. Namun, konteks polemik tersebut juga menyebabkan mereka mengamalkan *politics of ambiguity* (Ting, 2009a) di mana keputusan kompromi itu kadangkala tidak diumumkan secara terbuka dan mesej yang disampaikan disesuaikan mengikut komuniti sasaran.

Tan Cheng Lock dalam kapasiti peribadi dan kemudiannya selaku presiden MCA telah cuba sedaya upaya untuk memperoleh hak kerakyatan jus soli demi penduduk bukan Melayu. Pencapaian sebulat suara dalam CLC tentang jus soli pada akhir tahun 1949 adalah hasil daripada inisiatif Tan dan H. S. Lee (Tan, n.d.). Tan sangat kecewa bahawa cadangan penggubalan perundangan kerakyatan 1951 telah menghadkan jus soli kepada penduduk generasi kedua bukan Melayu sahaja.⁸ Dalam ucapan beliau dalam mesyuarat tahunan Jawatankuasa Umum MCA pada 21 April 1951, Tan menyifatkan perundangan kerakyatan yang sedang digubal terutamanya adalah berdasarkan kesangsian dan diskriminasi terhadap orang bukan Melayu. Beliau juga mengkritik konsep asimilasi orang bukan Melayu ke "gaya hidup persekutuan" yang tidak berasaskan realiti (Koleksi Kertas Tan Cheng Lock : Ucapan selaku Presiden, 1951). Usaha perjuangan MCA tentang jus soli seterusnya beralih kepada perundingan dalam kerangka kerjasama UMNO-MCA.

Walaupun enggan menyokong kerakyatan berasaskan prinsip jus soli pada tahun 1951, Tunku Abdul Rahman mula mengubah pendirian itu semasa perjumpaan informal UMNO-MCA yang diadakan untuk menentukan cadangan bersama terhadap autoriti British untuk mengadakan pilihanraya persekutuan supaya mencapai tahap berkerajaan sendiri. Dalam perjumpaan pertama pada 3 Februari 1953, persetujuan telah dicapai supaya semua penduduk kelahiran tempatan berhak mengundi dalam pilihanraya persekutuan (walaupun hanya warganegara persekutuan berhak menjadi calon), seperti yang telah diperuntukkan dalam pilihanraya majlis

perbandaran (Koleksi Kertas H. S. Lee : Minit mesyuarat wakil UMNO-MCA bertarikh 3 Februari 1953).⁹ Seterusnya, pada 13 Jun 1954, Tunku Abdul Rahman telah berucap di Mesyuarat Cemas Jawatankuasa Umum MCA untuk mendapatkan sokongan mereka dalam kempen boikot pentadbiran British demi pemilihan tiga perlima perwakilan Majlis Perundangan Persekutuan, di mana beliau mengumumkan bahawa prinsip jus soli telah diterima oleh UMNO (Koleksi Kertas Tan Cheng Lock : Ucapan Tunku Abdul Rahman, 13 Jun 1954).

Sebagai persediaan untuk pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, Parti Perikatan telah menyediakan kertas kerja tentang isu-isu utama sebagai pendirian rasmi Parti Perikatan. Dalam kertas kerja dalaman tentang kewarganegaraan yang telah disediakan oleh Tunku Abdul Rahman pada 17 Mac 1955, prinsip jus soli dipersetujui:

The Principle of jus soli is almost universally adopted and practised. In the Federation, if this principle were adopted, the special position of Malays must be safeguarded, because Malays are weak economically and they have a genuine fear of being overrun by the other races. ... (Alliance would) take measures to ensure such protection, and to correct the disadvantageous position in which the Malays find themselves.

(Koleksi Kertas H.S. Lee : Memorandum Perikatan dalaman yang disediakan oleh Tunku Abdul Rahman tentang kewarganegaraan, ms. 5, 17 Mac 1955)

Pemeliharaan kedudukan istimewa orang Melayu dicadangkan atas sebab bahawa prinsip jus soli diamalkan, kerana mereka dikatakan "masih lemah dari segi ekonomi" dan berasa bimbang bahawa kepentingan sewajar mereka mungkin dipinggirkan. Hal ini bermakna kedudukan istimewa berfungsi sebagai *protective measure* seperti dicadangkan oleh Fernando (2002: 85).

Namun persetujuan tentang jus soli tidak diumumkan semasa kempen Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, dan manifesto versi ringkas Perikatan hanya memberi jaminan bahawa pertimbangan serius akan diberikan pada masa terdekat (Heng, 1988: 205). *Politics of ambiguity* ini bertujuan untuk mengelakkan serangan daripada parti-parti pembangkang Melayu dan penentangan oleh pemimpin barisan pertengahan UMNO. Dalam versi penuh manifesto Perikatan yang dihadkan peredarannya, pendirian tentang kerakyatan hanya menyatakan keperluan menjelang kemerdekaan untuk menyelesaikan masalah kehadiran "sebilangan besar warga asing" yang telah diwujudkan akibat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 (Fernando, 2009: 93–94).¹⁰ Manifesto tersebut mencadangkan supaya sebuah suruhanjaya ditubuhkan untuk mencari penyelesaian kepada keadaan yang tidak memuaskan ini. Pada 19 April 1956, suatu

pertemuan dengan wakil persatuan Cina di Melaka yang dianjurkan oleh MCA Melaka, Tan Siew Sin telah merujuk kepada kenyataan tersebut dan menerangkan bahawa ia difahami oleh pemimpin Perikatan sebagai suatu persetujuan tersirat terhadap prinsip jus soli (*The Straits Times*, 1956b).

Dalam pemerhatian Fernando (2002: 168) bahawa selepas pilihanraya persekutuan pada tahun 1955, peranan UMNO menjadi semakin dominan, dan kedudukan dan pengaruh pemimpin MCA menjadi semakin lemah dalam perundingan akhir tentang Perlembagaan Persekutuan. Fernando merujuk kepada keadaan sebelum bertolak ke London pada Januari 1956, di mana pemimpin UMNO menyediakan garis panduan suruhanjaya perlembagaan tanpa maklumat MCA. Perhubungan yang tidak seimbang di antara pemimpin UMNO dan MCA juga diulaskan oleh Heng (1988: 233) seperti berikut:

During the Alliance negotiations, the desire to cultivate and retain UMNO goodwill was heavy in the mind of the MCA leaders to the point that UMNO political patronage was considered more essential to the MCA than relations with the major Chinese pressure groups, the huay kuan and Chambers of Commerce.

Dinamis ini mencorakkan keputusan akhir yang dicapai pada kemerdekaan, dan juga merupakan punca kebangkitan pemimpin-pemimpin persatuan yang seterusnya digelar dalam akhbar Bahasa Inggeris sebagai "*the Big Four*" untuk menganjurkan perhimpunan pada April 1956.

Latarbelakang *Big Four*¹¹

Di antara *Big Four*, Lim Lian Geok (1901–1985), merupakan seorang guru sekolah Cina dan pengerusi *United Chinese School Teachers' Association* atau *Jiaozong* dan sangat disegani dalam komuniti Cina sebagai pejuang nasional demi pendidikan Cina.

Leong Chee Cheong (1901–1959) ialah pengerusi *Federation of Selangor Chinese Guilds and Associations*, atau *Hangzong* Selangor dan juga pengasas dan presiden Persatuan Pekedai dan Pekerja (yang merupakan anggota *Hangzong* Selangor) di Selangor. Cho Yew Fai (1894–1972) ialah naib pengerusi Dewan Perhimpunan Cina Selangor. Cho dan Leong merupakan pedagang dan juga di antara pengasas-pengasas Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Selangor, serta bergiat dalam persatuan-persatuan klan dan penajaan kerja amal seperti pembiayaan hospital-hospital komuniti. Cho juga aktif menyokong persatuan-persatuan sukan.

Namun kedudukan sosio-ekonomik mereka di negeri Selangor tidak setanding dengan tokoh keempat, Lau Pak Khuan (1896–1973) yang merupakan

seorang pelombong utama di negeri Perak dan pengasas beberapa bank. Lau merupakan seorang pemimpin Cina utama di Perak, dan mengetuai Dewan Perhimpunan Cina dan Dewan Perniagaan Cina di Perak pada 1949–1957, antara banyak persatuan-persatuan lain.

Keempat-empat tokoh dilahirkan di China dan berhijrah ke Tanah Melayu semasa masih muda dan tidak tahu berbahasa Inggeris.

Leong, Cho dan Lau merupakan pemimpin MCA pada taraf negeri, dan Lau juga menganggotai Jawatankuasa Pusat MCA. Ketiga-tiga merupakan bekas pemimpin Kuomintang seperti ramai pemimpin lapisan kedua MCA lain (Heng, 1988; Tan, 1997). Heng (1988) telah menegur semangat ikatan dan sokongan yang terus ditunjukkan oleh golongan ini terhadap Kerajaan Chiang Kai Shek sehingga tahun 1956. Adalah ketara bagi sesetengah daripada golongan ini, keperluan peralihan orientasi politik terhadap Tanah Melayu terperangkap dengan kecintaan terhadap tanah air kelahiran. Leong Chee Cheong, pada majlis makan malam selepas perhimpunan nasional tersebut, telah mengakhiri ucapan beliau dengan melaungkan "Perpaduan Cina Seberang Laut! Hidup China!" (*Nanyang Siang Pao*, 1956r). Isu ini digunakan oleh MCA dan UMNO untuk menjejaskan kesahihan tuntutan Jawatankuasa Ad Hoc tersebut. Selepas peristiwa itu, Leong telah mengundurkan diri sebagai salah seorang ahli praesidium Jawatankuasa Ad Hoc. Lim Lian Geok yang tidak hadir pada majlis makan malam tersebut telah memberi teguran kepada beliau.

Chan (1965: 88) dalam kajiannya tentang MCA telah mempersoalkan kegunaan konsep "puak Kuomintang" untuk menerangkan konflik politik dalaman MCA. Kuomintang tidak bertujuan untuk membentuk "wilayah China ke-19" di Tanah Melayu, dan hanya berusaha merapatkan pertalian orang Cina di China dan Tanah Melayu supaya mendapat sokongan kewangan dan memelihara kebudayaan. Dalam pemerhatian beliau, antara lain, bahawa H. S. Lee yang berpangkat Kolonel di Kuomintang dan dikaitkan dengan "puak Kuomintang" semasa konflik kepimpinan di Selangor akhirnya menandatangani perjanjian kemerdekaan selaku ahli delegasi Perikatan ke London. Beliau juga kemudiannya dilantik sebagai Menteri Kewangan dan diberi gelaran Tun. Salah seorang *Big Four*, Lau Pak Khuan, juga dianugerahkan kehormatan Dato Seri oleh Sultan Perak pada tahun 60-an. Chan (1965) mengulas bahawa mereka yang dilabel "puak Kuomintang" hanya kelihatan lebih *Chinese-conscious* dan tidak berbeza sangat dengan puak *Chinese-firsters* yang menyokong pemilihan Lim Chong Eu sebagai presiden MCA pada tahun 1958.

Sebaliknya, Lim Lian Geok tidak pernah menyertai Kuomintang dan telah berjaya mendapat kewarganegaraan persekutuan pada September 1951 melalui permohonan. Hal ini menunjukkan bahawa beliau telah memutuskan untuk mengalih komitmen politik beliau kepada Persekutuan Tanah Melayu biarpun beliau terus berpegang teguh kepada pemeliharaan kebudayaan Cina. Visi politik

Lim menekankan sifat kepelbagaian etnik, bahasa dan budaya di Malaya, serta kesamarataan kedudukan dan hak semua kaum (Tan, 1997). Visi *multicultural nation* inilah merupakan titik persamaan perspektif di antara *Big Four*.

Perjuangan masyarakat sivil Cina boleh difahami sebagai usaha untuk mempertahankan suatu visi negara bangsa di mana tiga komuniti etnik utama berkedudukan dan memperjuangkan hak yang sama rata untuk membentuk sebuah *multicultural nation* (komuniti politik yang berbilang budaya). Tan (1988) telah mengupas perbezaan etimologi antara istilah Cina *minzu* dengan perkataan Melayu "bangsa". Sebuah negara (*guojia*) boleh mengandungi banyak *minzu* atau bangsa yang mempunyai budaya masing-masing seperti di negara China. Dalam kerangka konsep nasion multikultural (Brown, 2000) ini, setiap warganegara (*guomin*) merupakan ahli salah satu *minzu* atau bangsa, mempunyai status yang sama rata dan hak kebudayaan dan bahasa mereka wajar diberi pengiktirafan (Tan, 1988). Sebaliknya, "bangsa" (*nation*) dalam bahasa Melayu boleh bererti "kaum" seperti dalam ungkapan "negara berbilang bangsa". *Ethnonationalism* Melayu UMNO berlandaskan konsep satu negara, satu bangsa (*nation*), dan satu bahasa berdasarkan pendekatan asimilasi. Konsep *ethnonationalism* ini mirip teori nasionalisme Anthony Smith yang mengutamakan pembentukan *nation* berdasarkan sekumpulan etnik dominan, menjadi suatu komuniti politik yang lebih bersifat homogen dari segi bahasa dan budaya.¹² Pemimpin MCA berpendidikan Inggeris, sebaliknya, berpegang kepada prinsip liberal-demokratik di mana kesamarataan kedudukan dan hak kewarganegaraan dilihat dari segi individu dan bukan berdasarkan *minzu* atau komuniti etnik (Tan, 1988). Akhirnya, golongan ini lebih bersedia tunduk kepada *ethnonationalism* Melayu tentang persoalan kewarganegaraan, bahasa, dan budaya. Perbezaan inilah yang menjadi punca konflik di antara Jiaozong (dan masyarakat sivil Cina) dengan pucuk kepimpinan MCA dan UMNO (Tan, 1997: 98).

PERMULAAN GERAKAN SOSIAL HAK KERAKYATAN DALAM KALANGAN PERSATUAN CINA

Usaha Awal

Di antara pertubuhan Cina, pemimpin dewan perniagaan merupakan yang terawal menganjurkan kempen pendaftaran pengundi pada Mei 1951 supaya penduduk Cina boleh mengundi pada pilihanraya majlis perbandaran. Namun, pada masa itu, persatuan lain tidak menunjukkan minat tentang perkara tersebut. Wong (1980: 112–113) mencadangkan bahawa kekurangan minat ini mungkin disebabkan oleh keadaan politik yang negatif di mana beberapa dasar pentadbiran British diperkenalkan pada tahun 1952 dan seterusnya dianggap sebagai menentang

kepentingan komuniti Cina, seperti Ordinan Pendidikan 1952, Undang-undang Imigresen (Pengawalan) 1952, dan Ordinan Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan 1953. Komuniti Cina juga mencurigai bahawa perundangan kerakyatan 1952 merupakan strategi kolonial untuk meningkatkan anggota tentera menentang komunis.

Hanya selepas Ogos 1954, apabila keputusan untuk mengadakan pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan diluluskan, permulaan gerakan sosial hak kerakyatan dapat dikesan dalam kalangan masyarakat Cina. Perjumpaan dianjurkan oleh dewan perhimpunan Cina bermula dengan Selangor, Bentong, dan Seremban untuk membincangkan cara untuk menggerakkan kempen pendaftaran masyarakat Cina untuk mendapatkan kerakyatan. Selepas pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan pada Julai 1955, pertubuhan-pertubuhan Cina pada peringkat negeri mahupun pan-Malaya secara berasingan mula mengemukakan rayuan kepada kerajaan supaya melonggarkan syarat-syarat yang dikenakan terhadap undang-undang kerakyatan (Choi, 1990: 331–332).

Antara lain, salah satu perjumpaan dianjurkan oleh Dewan Perhimpunan Cina dan Dewan Perniagaan Cina Perak pada 28 Ogos 1955 di mana perjumpaan ini diwakili oleh 70 buah pertubuhan Cina di Perak. Antara mereka yang menghantar wakil termasuk persatuan-persatuan dialet, persatuan-persatuan yang mewakili pelbagai aliran perniagaan dan sebagainya (Choi, 1990: 332). Dalam perjumpaan tersebut, para peserta menyuarakan syarat kerakyatan yang tidak wajar perlu dipinda dan menggesa agar semua penduduk di Tanah Melayu diberikan hak kerakyatan yang sama rata dan adil. Satu jawatankuasa kerja dengan 15 wakil telah dibentuk untuk menyediakan satu memorandum yang diserahkan kepada sultan di semua negeri, kerajaan Perikatan yang baru dibentuk, menteri besar dan juga Pesuruhjaya Tinggi British. Selain itu, jawatankuasa tersebut juga ditugaskan untuk menulis surat kepada dewan-dewan perhimpunan Cina dan pertubuhan Cina besar di seluruh negara supaya mendapatkan sokongan dan bersama-sama memperjuangkan hak komuniti Cina dalam soal kerakyatan. Perjumpaan tersebut meluluskan empat cadangan utama untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa, iaitu:

1. Mengamalkan kerakyatan berasaskan jus soli;
2. Orang Cina kelahiran di luar Tanah Melayu yang telah menetap di Tanah Melayu lebih daripada lima tahun layak memohon hak kerakyatan;
3. Syarat ujian bahasa dikecualikan; dan
4. Pindaan terhadap persoalan kerakyatan perlu dilaksanakan sebelum kemerdekaan Tanah Melayu (Choi, 1990: 333).

Peningkatan Mobilisasi Masyarakat Sivil Cina Susulan Pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Reid

Situasi menjadi semakin hangat apabila rombongan kerajaan Perikatan pulang dari London pada Februari 1956 selepas persidangan perbincangan dengan kerajaan British dan perwakilan raja-raja Melayu di mana persediaan ke arah pencapaian kemerdekaan pada Ogos 1957 diputuskan. Salah satu langkah ke arah tujuan tersebut adalah pembentukan sebuah suruhanjaya bebas yang terdiri daripada pakar-pakar perlembagaan dari negara Komanwel (yang seterusnya dinamakan Suruhanjaya Reid kerana diketuai oleh Tuan Reid) untuk menyediakan sebuah Perlembagaan Persekutuan kemerdekaan. Pada persidangan tersebut, garis panduan atau *Terms of Reference* bagi Suruhanjaya Perlembagaan juga dipersetujui.

Seterusnya, semakin banyak persatuan Cina giat membincangkan cara mengumpul idea-idea dan mengemukakan cadangan masing-masing kepada suruhanjaya yang bakal dibentuk. *Hangzong* Selangor (*Federation of Selangor Chinese Guilds and Associations*) merupakan pertubuhan Cina yang terawal menyuarakan cadangannya tentang isu perlembagaan. Antara usul-usul yang diluluskan pada mesyuarat yang berlangsung pada 6 Mac 1956 adalah pengurangan tempoh pemastautinan dan pengecualian ujian bahasa sebagai kelayakan kewarganegaraan, serta penggunaan empat bahasa di mesyuarat majlis pada semua peringkat sebagai bahasa rasmi (*Nanyang Siang Pao*, 1956a). Ramai pemimpin Cina dari persatuan dan MCA berpendidikan Cina dan tidak fasih dalam bahasa lain.

Terms of reference bagi Suruhanjaya Reid yang diumumkan pada 8 Mac 1956 telah menimbulkan rasa tidak puas hati. Kongres Kesatuan Sekerja Malaya (Malayan Trade Union Council), misalnya, telah menyuarakan kekecewaannya bahawa garis panduan suruhanjaya telah mewajibkan suruhanjaya untuk mengekalkan kedudukan istimewa kaum Melayu (*The Straits Times*, 1956m). Isu ini turut dibincangkan di pertemuan Dewan Perhimpunan Cina di Perak dan juga di Selangor yang diadakan seterusnya. Tambahan pula, walaupun kerakyatan tunggal bagi seluruh persekutuan disenaraikan sebagai salah satu ciri yang diinginkan dalam perlembagaan, Raja-raja juga mencadangkan supaya suruhanjaya bebas untuk mengekalkan status quo dengan kombinasi kerakyatan dan kewarganegaraan seperti diperuntukkan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 (*The United Kingdom Colonial Office*, 1957).

Malah, sikap dan jawapan negatif Tunku Abdul Rahman terhadap ucapan Tan Siew Sin semasa Majlis Perundangan pada 14 Mac 1956 tentang isu kewarganegaraan penduduk Cina seakan-akan menunjukkan perhubungan dingin di antara mereka tentang isu ini. Dalam jawapan beliau, Tunku Abdul Rahman berkata bahawa beliau telah mengarahkan supaya ujian bahasa Melayu

dipermudahkan, namun bilangan pemohon Cina tidak meningkat. Beliau terus menyimpulkan bahawa mereka tidak berminat menjadi warganegara persekutuan (*The Straits Times*, 1956l).

Seterusnya, pada bulan Mac dan April 1956, banyak gabungan persatuan Cina dan dewan perhimpunan Cina pada peringkat negeri termasuk Selangor, Perak, Johor, Kedah, Melaka, Pulau Pinang, dan Negeri Sembilan juga mengadakan perbincangan masing-masing dan mengemukakan pendirian tentang kewarganegaraan, hak kesamarataan, dan bahasa rasmi. Persatuan-persatuan Cina lain yang lebih kecil juga mengadakan kegiatan dan inisiatif masing-masing terutamanya untuk mempromosikan hak kerakyatan kepada ahli-ahli di akar umbi mereka (Wong, 1980: 119–120). Penduduk-penduduk di Pulau Pinang dan Melaka yang merupakan rakyat British termasuk orang Cina menuntut agar diwujudkan dwi-kerakyatan supaya mereka boleh mengekalkan status sedia ada mereka di samping menjadi rakyat persekutuan. Jiaozong di bawah kepimpinan Lim Lian Geok turut mengeluarkan surat pekeliling pada pertengahan Mac kepada semua kesatuan-kesatuan guru sekolah Cina supaya menerima cadangan mereka terhadap perlembagaan yang bakal digubal.

Pada 22 Mac 1956, Hangzong Selangor dan Jiaozong telah mengambil kesempatan semasa lawatan sebuah delegasi ahli parlimen British ke Tanah Melayu untuk menyerahkan memorandum masing-masing kepada mereka. Kedua-dua memorandum menggesa supaya hak kewarganegaraan berasaskan jus soli diberikan, dan menegaskan bahawa semua warganegara Malaya harus diberi hak dan tanggungjawab yang saksama dalam semua bidang tanpa layanan istimewa. Kedua-dua juga mencadangkan supaya bahasa Cina dijadikan sebagai salah satu bahasa rasmi (*The Straits Times*, 1956k).

Lau Pak Khuan, selaku presiden beberapa persatuan Cina pada peringkat negeri Perak, merupakan tokoh Cina yang terawal menyuarakan keraguan terhadap keberkesanan MCA dalam menangani isu kerakyatan dan pendidikan. Dalam perjumpaan yang dianjurkan oleh Dewan Perhimpunan Cina Perak pada 18 Mac 1956 yang dihadiri oleh lebih kurang 80 wakil-wakil pertubuhan Cina di Perak, beliau berucap di hadapan Leong Yew Koh yang mewakili MCA Pusat seperti berikut:

Jika MCA sanggup betul-betul memperjuangkan kedudukan dan memelihara kepentingan kaum Cina, maka orang Cina di seluruh Malaya pasti akan menyokong MCA. Walau bagaimanapun, dengan menyertai Parti Perikatan, ia terpaksa mematuhi dasar Parti (Perikatan), dan payah untuk memperjuangkan layanan saksama bagi hak kewarganegaraan dan pendidikan secara berkesan.

(*Nanyang Siang Pao*, 1956b)

Perjumpaan tersebut juga meluluskan empat usul tentang isu perlembagaan yang membayangkan visi sebuah *multicultural nation* seperti berikut:

1. Malaya terbentuk daripada semua penduduk pelbagai kaum, jadi tanah dan kedaulatannya juga dikongsi oleh semua;
2. Mereka yang lahir di Malaya semestinya menjadi warganegara Malaya. Warga asing yang mencapai taraf pemastautinan selama lima tahun dan sudi berikrar kesetiiaannya boleh memohon untuk menjadi warganegara;
3. Para warganegara pelbagai kaum mempunyai tanggungjawab yang sama (termasuk berkhidmat sebagai anggota pertahanan negara dan membayar cukai) terhadap negara dan juga menikmati hak (politik, ekonomi, dan pendidikan) yang sama rata supaya berlaku adil terhadap semua; dan
4. Oleh kerana Bangsa Malaya terdiri daripada pelbagai kaum, jadi bahasa yang digunakan oleh setiap kaum wajar diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan Malaya dan bahasa rasmi (*Nanyang Siang Pao*, 1956b).

Pada 27 Mac 1956, Dewan Perhimpunan Cina Selangor juga menganjurkan pertemuan yang dihadiri oleh lebih daripada 100 wakil. Lima usul yang diluluskan bertindih dengan apa yang dikemukakan oleh Dewan Perhimpunan Cina Perak walaupun lebih menitik-beratkan aspek pragmatik. Selain daripada syarat kewarganegaraan berasaskan jus soli dan tempoh pemastautinan selama lima tahun bagi warga asing, cadangan juga dibuat supaya ujian bahasa dikecualikan. Usul lain mencadangkan supaya bahasa Cina bersama bahasa Melayu, Inggeris, dan Tamil dijadikan bahasa rasmi Malaya; layanan saksama bagi semua kaum berkenaan pendidikan dengan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantaraan; dan hak memiliki tanah bagi penghuni persekutuan. Namun kerjasama dengan MCA untuk mengemukakan cadangan-cadangan masyarakat Cina kepada Suruhanjaya Reid juga ditekankan (*Nanyang Siang Pao*, 1956c). Dalam memoir Lim Lian Geok, beliau meluahkan kemarahan terhadap pengerusi Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Ang Khe Tho; di mana dalam pertemuan tersebut, Ang telah bertindak secara biadab dengan melarang wakil Jiaocong untuk menyatakan pendirian yang bertentangan (Lim, 1990: 3). Hal ini merupakan salah satu punca yang menyebabkan Lim berasa perlunya suatu wadah nasional di mana persatuan-persatuan Cina bebas menyuarakan aspirasi mereka terhadap isu perlembagaan kemerdekaan tanpa kekangan elemen politik.

ASAL-USUL DAN PROSES PENGANJURAN PERHIMPUNAN PAN-MALAYA

Keresahan Susulan *Politics of Ambiguity* Perikatan

Pada penghujung Mac 1956, Tunku Abdul Rahman enggan memberikan jawapan yang jelas tentang pendirian beliau terhadap kewarganegaraan berasaskan jus soli yang disuarakan oleh pertubuhan Cina, (*The Straits Times*, 1956j). Sebaliknya, pemimpin-pemimpin UMNO di negeri Selangor bertindak balas dengan mengumumkan bantahan mereka terhadap cadangan prinsip jus soli bagi penduduk bukan Melayu serta pengamalan multi-lingualisme di majlis pada peringkat perbandaran, negeri mahupun persekutuan (*Singapore Free Press*, 1956c; *The Straits Times*, 1956i). UMNO Selangor juga menghantar satu memorandum kepada Tunku Abdul Rahman untuk menyatakan bantahan mereka. Pada 9 April 1956, mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman dan dihadiri oleh semua menteri dan pemimpin utama UMNO dilaporkan telah memutuskan untuk tidak menyokong kerakyatan jus soli bagi kaum bukan Melayu (*Singapore Free Press*, 1956b). Menurut laporan yang sama, Tunku Abdul Rahman menyatakan bahawa Perikatan tidak berjanji tentang isu jus soli dalam manifesto pilihanraya persekutuan 1955, "*There was, therefore no breach being committed to the electorate if the Reid constitutional commission did not recommend jus soli*". UMNO juga memutuskan bahawa hanya bahasa Melayu dan Inggeris akan dijadikan bahasa rasmi. Dalam kenyataan awam belia kerakyatan jus soli masih belum diputuskan dan bakal dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Nasional Perikatan. Pada masa yang sama, Tunku Abdul Rahman mengingatkan semua ahli jawatankuasa eksekutif supaya menyalurkan semua resolusi cawangan ke ibu pejabat UMNO sebelum diluluskan dan diumumkan kepada pihak awam untuk mengelakkan keretakan hubungan antara UMNO dengan MCA (*The Straits Times*, 1956h).

Selain daripada UMNO di Selangor, UMNO di Johor, Melaka, dan Dato' Onn selaku presiden Parti Negara juga turut mendesak supaya jus soli bagi kaum bukan Melayu ditolak. Pemimpin tertinggi UMNO dan MCA, enggan memberi pandangan mereka atau menegur pendirian UMNO negeri tersebut, dan menyatakan bahawa keputusan muktamad akan dibuat oleh kepimpinan tertinggi Parti Perikatan. Pengamalan *politics of ambiguity* ini telah membangkitkan keresahan dan reaksi negatif dalam kalangan masyarakat Cina.

Pada perhimpunan tahunan Hangzong Selangor di Kuala Lumpur pada 11 April 1956, pengerusinya Leong Chee Cheong, meluahkan kebimbangan beliau terhadap situasi tersebut, dan mencadangkan supaya Dewan Perhimpunan Cina Selangor, bersama-sama Dewan Perhimpunan Cina Perak dan Jiaozong menjadi

penganjur bersama untuk suatu perhimpunan pada peringkat persekutuan yang akan dihadiri oleh semua pertubuhan Cina utama di Tanah Melayu (*Nanyang Siang Pao*, 1956d; Choi, 1990: 333–334). Cadangan Leong turut disokong oleh Lau Pak Khuan, yang menyatakan bahawa persatuan-persatuan di Perak sudah mula bertindak susulan daripada keputusan yang dibuat pada 18 Mac 1956, di mana Dewan Perhimpunan Cina Perak turut menyokong idea Hangzong Selangor (*Nanyang Siang Pao*, 1956e).

MCA Menangani Desakan Masyarakat Cina

Dengan ini, MCA menghadapi desakan kuat daripada persatuan-persatuan Cina untuk menerangkan pendiriannya (*The Straits Times*, 1956g). Tan Cheng Lock dalam satu temu ramah di Melaka pada 12 April 1956 menyatakan bahawa jus soli merupakan suatu tuntutan yang sewajarnya dan adalah tidak patut bagi sesiapa pun untuk menentanginya (*Singapore Free Press*, 1956a).

Pada 13 April 1956, Lim Lian Geok bersama beberapa pemimpin Jiaozong telah bertemu dengan Tan Cheng Lock dan Tan Siew Sin di Melaka untuk mendapat maklum balas daripada mereka tentang perhimpunan nasional tersebut. Menurut laporan akhbar-akhbar Cina, perbincangan dijalankan dengan mesra, dan Lim menyebut bahawa kedua-duanya menyokong cadangan pertubuhan Cina tentang jus soli bahkan empat usul Dewan Perhimpunan Cina Perak. Tan Siew Sin turut menyokong kempen pengumpulan tandatangan tentang isu jus soli untuk dikemukakan kepada Suruhanjaya Reid, dan juga menyatakan hasrat beliau untuk menghadiri perhimpunan nasional berkenaan secara peribadi (*Nanyang Siang Pao*, 1956f).

Dalam memoir beliau, Lim (1990) juga menjelaskan bahawa beliau yang menggalakkan Leong Chee Cheong membuat jemputan tersebut supaya melancarkan proses mengadakan perhimpunan pada peringkat seluruh Malaya (Lim, 1990: 3–4). Namun wujud pendirian yang berbeza dalam kalangan kepimpinan Dewan Perhimpunan Cina Selangor: di mana pengerusi Dewan Perhimpunan Cina Selangor kelihatan menyokong MCA; naib-pengerusinya, Cho Yew Fai, mendukung idea perhimpunan wakil pertubuhan Cina pada peringkat persekutuan. Jemputan Hangzong Selangor membolehkan Cho mengadakan mesyuarat supaya Dewan Perhimpunan Cina Selangor membincangkan tentang jemputan Hangzong Selangor dan membuat keputusan untuk menjadi sebahagian daripada penganjur perhimpunan tersebut.

Khuatir dengan perkembangan terkini, Tan Cheng Lock mengumumkan bahawa beliau telah memanggil pemimpin tertinggi MCA untuk membincangkan isu kewarganegaraan dan memorandum Perikatan pada 15 April 1956. Beliau mendedahkan kepada media bahawa Tunku Abdul Rahman pernah bersetuju untuk memberi kerakyatan secara jus soli dan menandatangani satu petisyen

yang menggesa raja-raja Melayu untuk memperkenankan prinsip jus soli. Tan menyatakan keyakinan beliau bahawa Tunku Abdul Rahman tidak akan memungkir janji (*The Straits Times*, 1956f). Mesyuarat tersebut seterusnya dihadiri oleh 20 pemimpin tertinggi MCA, dan keputusan dicapai supaya MCA menghantar memorandum yang berasingan kepada Suruhanjaya Reid tentang kerakyatan berasaskan jus soli. Suatu jawatankuasa kecil dibentuk untuk menyediakan memorandum tersebut (*The Straits Times*, 1956e), yang seterusnya akan dibentangkan untuk kelulusan Jawatankuasa Pusat MCA dan Majlis Perikatan Nasional. Jawatankuasa kecil tersebut juga akan berhubung dengan jawatankuasa politik UMNO yang ditugaskan untuk meneliti isu kerakyatan (*The Straits Times*, 1956d). Pada sidang media selepas mesyuarat, pemimpin MCA juga turut menyatakan bahawa UMNO pernah menyokong prinsip jus soli dalam petisyen kepada Pesuruhjaya Tinggi British dan raja-raja Melayu susulan konvensyen Perikatan pada Februari 1954. Petisyen tersebut mencadangkan supaya, selain daripada warganegara persekutuan dan rakyat British, individu-individu yang lahir di mana-mana tempat di persekutuan dan di Singapura (yang memenuhi tempoh pemastautinan minimum di Tanah Melayu selama lima dan tujuh tahun masing-masing) diberi hak mengundi. Petisyen tersebut ditandatangani oleh Tunku Abdul Rahman selaku pengerusi konvensyen dan Tan Cheng Lock sebagai timbalan pengerusi (*The Straits Times*, 1956e).

Keputusan positif Dewan Perhimpunan Cina Selangor untuk menjadi penganjur bersama dalam perhimpunan tersebut dilakukan di mesyuarat yang dipengerusikan oleh Cho Yew Fai pada 16 April 1956. Tujuh orang yang diketuai oleh Cho dilantik sebagai wakil dewan dalam jawatankuasa penganjur tersebut, dan tiga organisasi penganjur lain juga dijemput di mana masing-masing mencadangkan tujuh nama sebagai anggota jawatankuasa tersebut (*Nanyang Siang Pao*, 1956g). Mesyuarat juga mencadangkan bahawa jika usul-usul pertubuhan Cina kepada Suruhanjaya Reid ditolak, maka hartal diadakan di seluruh Malaya; menteri-menteri Cina dan wakil-wakil majlis di semua peringkat akan didesak untuk meletak jawatan mereka, dan rombongan wakil persatuan-persatuan Cina dihantar ke London untuk memperjuangkan hak masyarakat Cina (*Nanyang Siang Pao*, 1956h).

Cadangan Membentuk Gabungan Persatuan-Persatuan Cina Pan-Malaya (Zonggonghui)

Pada hari berikutnya, Cho Yew Fai berjumpa dengan Lim Lian Geok, Lau Pak Khuan, dan Leong Chee Cheong untuk menetapkan agenda bagi mesyuarat persediaan rasmi yang akan dihadiri oleh wakil keempat-empat organisasi penganjur pada 21 April 1956. Mereka telah bersetuju bahawa perhimpunan diadakan pada 27 April 1956 di Stadium Chin Woo, Kuala Lumpur (*Nanyang*

Siang Pao, 1956i). Pada mesyuarat tersebut, Lau Pak Khuan juga mencadangkan bahawa semua pertubuhan Cina di seluruh Malaya digabungkan di bawah struktur kekal untuk mewakili suara masyarakat Cina di Tanah Melayu yang digelar Fanma Huaren Zonggonghui (Pan-Malayan Federation of Chinese Associations atau Gabungan Persatuan-persatuan Cina Pan-Malaya) sebagai salah satu usul untuk pertimbangan) (Lim, 1990: 4). Badan tersebut akan menangani semua perkara berkaitan dengan perlembagaan, dan jika perjuangan tentang isu jus soli gagal, ia boleh memanggil semula perhimpunan untuk membincangkan langkah seterusnya. Lim juga dikatakan menyebut pada mesyuarat bahawa, "Kita cuma mahu kesamarataan dan mengambil pendekatan terbaik-terbaik untuk mencapainya. Kita tidak menyalahkan mana-mana pihak dan hanya memperjuangkan hak dan kebajikan sendiri." Salah satu daripada sebelas usul yang ditentukan sebagai agenda adalah menasihati MCA supaya menyokong pendirian pertubuhan-pertubuhan Cina (*Nanyang Siang Pao*, 1956i).

Cadangan untuk membentuk Zonggonghui dilihat oleh MCA sebagai suatu usaha mewujudkan sebuah badan persaingan. Pada 18 April 1956, akhbar Inggeris *The Straits Times* mengeluarkan laporan bertajuk, "*Bid to topple MCA: The battle starts for 'effective' leadership of the Chinese in the Federation – 'Big 4' plan mass meeting*". Hal ini telah menyebabkan pengerusi Jawatankuasa Publisiti UMNO, Mohamed Khir Johari membuat teguran bahawa semua yang taat setia kepada Tanah Melayu tentunya menyokong Parti Perikatan. Beliau mencadangkan bahawa perhimpunan tersebut, selain daripada menuntut hak jus soli, perlu juga menggesa supaya kerajaan menggerakkan rakyat untuk melawan pengganas komunis. Beliau mengulas bahawa tidak salah untuk menuntut lebih hak, namun perlulah menerima juga tanggungjawab yang mengiringi hak itu (*The Straits Times*, 1956c). Menyahut teguran Khir Johari yang diterbitkan dalam surat khabar pada hari berikutnya, Lim Lian Geok berkongsi pendapat di mesyuarat Jiaozong yang meluluskan penganjuran perhimpunan bahawa apabila beliau cuba menggalakkan belia Cina berkhidmat sebagai anggota tentera untuk melawan komunis, mereka bertanya, "Kami tiada hak kewarganegaraan, jika terkorban sewaktu melawan pengganas komunis, apakah ini dikira sebagai berkhidmat demi negara?" (*Nanyang Siang Pao*, 1956j). Lim yang telah berjaya dalam pemohonan kewarganegaraan persekutuan pada September 1951 (Tan, 1997: 97) juga turut menjelaskan bahawa usaha mereka sebagai guru untuk mendidik pelajar supaya setia kepada negara menghadapi rintangan kerana pelajar-pelajar sering menjawab bahawa mereka bukan warganegara Malaya. Lantaran itu, pada hemat beliau, cara terbaik untuk memupuk kesetiaan dalam kalangan generasi baru adalah memberikan mereka status kewarganegaraan (*Nanyang Siang Pao*, 1956j).

Too Joon Hing yang merupakan Timbalan Menteri Pendidikan dari MCA terus menjemput Lim ke pejabat untuk memujuk beliau supaya tidak menyokong cadangan untuk membentuk Zonggonghui. Lim bersetuju bahawa perpaduan

masyarakat Cina perlu diutamakan, dan beliau tidak akan menyokong apa-apa yang boleh mengancam perpaduan itu. Beliau juga menasihati Too supaya menganggap usaha persatuan-persatuan Cina sebagai usaha untuk memberi sokongan kepada perjuangan MCA demi masyarakat Cina. Selepas pertemuan tersebut, apabila ditanya wartawan pada hari yang sama, Lim mengumumkan bahawa beliau tidak akan menyokong usaha untuk membentuk Zonggonghui (Lim, 1990: 4–5). Pada 20 April 1956, Cho Yew Fai juga menyatakan bahawa beliau tidak menyokong pembentangan usul pembentukan Zonggonghui untuk dibincangkan dalam perhimpunan pada 27 April kerana ia belum dibincangkan dan diperkenankan oleh Dewan Perhimpunan Cina Selangor (*Nanyang Siang Pao*, 1956l).

Lantaran itu, setiausaha umum MCA, Leong Yew Koh, turut mengeluarkan kenyataan media bahawa MCA memang tegas memperjuangkan hak jus soli dan pengurangan tempoh pemastautinan warga asing yang diperlukan sebagai kelayakan kewarganegaraan. Leong menerangkan bahawa MCA berkongsi pendirian yang sama dengan pertubuhan Cina, walaupun MCA tidak mengeluarkan banyak kenyataan namun itu tidak bermakna ia tidak berbuat apa-apa, dan kadangkala adalah lebih baik dan berkesan untuk berunding secara senyap tanpa membuat pengumuman kepada media. Inilah *politics of ambiguity*, pendekatan yang diambil oleh Parti Perikatan untuk menyelesaikan isu kontroversi. Leong menyeru supaya masyarakat Cina bersatu-padu dalam perjuangan demi kewarganegaraan (*Nanyang Siang Pao*, 1956k).

Mesyuarat persediaan rasmi yang disertai oleh wakil daripada keempat-empat pertubuhan diadakan pada 21 April 1956 dan dipengerusikan oleh Lau Pak Khuan. Tajuk perhimpunan dinamakan sebagai, "Perhimpunan Wakil Pertubuhan Cina di Persekutuan Malaya Untuk Memperjuangkan Hak Kewarganegaraan". Mesyuarat tersebut memutuskan supaya perhimpunan akan memilih lima orang yang menganggotai panel Presidium (*zhuxituan* dalam bahasa Cina) yang akan mempengerusikan perhimpunan. Presidium ini juga akan diberi tanggungjawab untuk mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Reid. Mesyuarat menggugurkan dua usul dalam agenda iaitu, usul untuk membentuk Zonggonghui, dan usul untuk menasihati MCA supaya menyokong aspirasi persatuan-persatuan Cina. Tanpa pembentukan Zonggonghui, Presidium boleh dipertanggungjawabkan untuk memanggil semula perhimpunan wakil-wakil pertubuhan Cina kelak jika perlu. Usul kedua yang digugurkan dikatakan sudah tidak perlu memandangkan Leong Yew Koh sudah menegaskan kepada media bahawa MCA akan menyokong dan berpihak dengan aspirasi masyarakat Cina (*Nanyang Siang Pao*, 1956m). Beberapa hari selepas itu, jawatankuasa penganjur mendapat pemohonan daripada Dewan Perniagaan Cina Melaka yang diketuai oleh Tan Kee Gak (1922–1993) untuk menjadi salah satu organisasi penganjur dan pemohonan itu terkabul (Lim, 1990: 5). Latar belakang sosio-ekonomi dan politik Tan mirip dengan Cho, Leong dan Lau, namun beliau merupakan rakyat British yang dilahirkan di Melaka.

Usaha Parti Perikatan Untuk Mencegah Penganjuran Perhimpunan

Tunku Abdul Rahman yang enggan memberi pendirian kepada media tentang isu ini memutuskan membuat ucapan melalui siaran radio pada 22 April 1956. Beliau tetap tidak menerangkan pendirian beliau tentang pelbagai isu secara jelas. Beliau cuma menyatakan bahawa orang Melayu bersedia secara munasabah untuk berkongsi hak dengan mereka yang setia kepada negara ini, dan tiada seorang pun perlu bimbang terhadap kebajikannya di Malaya yang bakal merdeka. Beliau berasa wujudnya banyak tanda-isyarat muhibah dan persahabatan terhadap semua, dan menganggap syak wasangka terhadap keikhlasan orang Melayu untuk berkongsi hak politik sebagai tidak berasas dan tidak wajar. Namun, beliau juga menegur orang bukan Melayu supaya bersikap adil dan bertimbang rasa serta tidak membuat tuntutan yang tidak munasabah terhadap orang Melayu sebagai orang asal yang dikatakan telah banyak memberi (kepada orang bukan Melayu). Beliau membidas pihak yang memperjuangkan persamaan hak antara orang Melayu dan orang bukan Melayu dengan merujuk kepada jurang kekayaan yang besar di antara dua golongan tersebut. Beliau menerangkan bahawa satu-satunya peluang bagi orang Melayu untuk mengekalkan kesinambungan identiti mereka ialah dengan mempertahankan hak mereka yang termaktub dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan juga perjanjian yang termeterai antara Raja-raja Melayu dengan British. Beliau juga menyeru orang Melayu supaya sanggup berkorban dengan bersikap toleransi, mesra dan bersopan santun untuk memperoleh kemerdekaan (*The Straits Times*, 1956a). Apabila mengetahui bahawa perhimpunan akan diadakan walau dalam keadaan apa pun, Tunku Abdul Rahman memarahi masyarakat Cina bahawa tindakan ini menekan UMNO dan membidas Lau Pak Khuan yang mempengerusikan jawatankuasa penganjur sebagai musuh UMNO (*Nanyang Siang Pao*, 1956o).

Pada masa yang sama, MCA juga bertemu wakil-wakil pertubuhan Cina untuk memelihara pengaruhnya dan meyakinkan mereka bahawa MCA sanggup memperjuangkan hak jus soli dan kelonggaran tempoh pemastautinan bagi pihak masyarakat Cina. MCA Melaka telah mengadakan perjumpaan yang dihadiri oleh 200 wakil pertubuhan Cina di Melaka pada 19 April 1956, dan perjumpaan pada peringkat Selangor yang dihadiri oleh 300 wakil daripada 115 pertubuhan pula telah diadakan pada 23 April 1956 (*The Straits Times*, 1956b; *Nanyang Siang Pao*, 1956n). Pada asalnya, Tan Siew Sin berhasrat supaya melantik jawatankuasa kecil untuk mengadakan suatu perhimpunan besar dengan peserta berjumlah 20,000 apabila Suruhanjaya Reid tiba di Melaka pada bulan Mei 1956 (*The Straits Times*, 1956h). Walau bagaimanapun, tujuan itu tidak tercapai. Pada perjumpaan di Kuala Lumpur, tiga usul telah diluluskan iaitu, hak kewarganegaraan berasaskan jus soli, keperluan tempoh pemastautinan selama lima tahun bagi warga asing, dan kesamarataan hak dan tanggungjawab bagi semua warganegara Malaya (*Nanyang*

Siang Pao, 1956n). Pemimpin MCA menegaskan bahawa cara terbaik untuk meyakinkan Suruhanjaya Reid supaya meluluskan hak jus soli adalah bersatu padu dan bersuara melalui MCA sebagai saluran tunggal. Usaha MCA tidak berjaya memberhentikan perhimpunan besar yang mengumpulkan wakil-wakil pertubuhan Cina dari seluruh Malaya.

PERHIMPUNAN WAKIL PERSATUAN CINA DI PERSEKUTUAN MALAYA UNTUK MEMPERJUANGKAN HAK KEWARGANEGARAAN

Pada 27 April 1956, perhimpunan wakil persatuan Cina telah diadakan di Stadium Chin Woo dan disertai lebih daripada 1,000 hadirin yang mewakili 454 pertubuhan Cina. Perhimpunan tersebut mengesahkan Lau Pak Khuan, Lim Lian Geok, Cho Yew Fai, Leong Chee Cheong dan Tan Kee Gak sebagai Presidium yang mempengerusikan perhimpunan. Walaupun tidak dimasukkan ke dalam agenda, Tan Kee Gak turut mengemukakan cadangan untuk membentuk Zonggonghui, namun cadangan tersebut tidak disokong. Selepas itu, lapan usul dibahaskan dan diluluskan (*Nanyang Siang Pao*, 1956p; Choi, 1990: 336). Empat usul merupakan tuntutan perhimpunan yang ingin dikemukakan kepada Suruhanjaya Reid, seperti berikut:

1. Mereka yang dilahirkan di Malaya sewajarnya merupakan warganegara Malaya;
2. Warga asing yang bermastautin di Malaya selama lima tahun boleh memohon untuk menjadi warganegara tanpa ujian bahasa;
3. Semua warganegara Malaya mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama rata; dan
4. Mengiktiraf bahasa Melayu, Cina, dan Tamil sebagai bahasa rasmi.

Keempat-empat tuntutan tersebut kemudiannya telah mendapat pengesahan daripada 1,094 pertubuhan Cina di seluruh negara. Keputusan yang lain berkenaan dengan aspek operasi tindakan susulan perhimpunan, seperti berikut:

1. Menghubungi setiap kaum di seluruh Persekutuan untuk berjuang bersama;
2. Memorandum perhimpunan ditandatangani oleh Presidium dan diserahkan kepada Suruhanjaya Reid; dan salinan diberi kepada pemimpin-pemimpin parti politik, menteri besar dan ahli Majlis Perundangan Persekutuan, Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, dan Setiausaha tanah jajahan British;

3. Mengadakan kempen mengutip tandatangan daripada persatuan-persatuan Cina di seluruh negeri;
4. Melantik Jawatankuasa Ad Hoc yang dianggotai oleh 15 orang ahli (termasuk lima orang ahli Presidium) untuk membuat keputusan tentang isu perlembagaan yang bakal berbangkit atau belum diselesaikan.

Selain daripada menerangkan empat tuntutan itu, deklarasi perhimpunan menyatakan penghormatan terhadap keikhlasan kaum Melayu dan simpati terhadap status ekonomi kehidupan mereka. Dalam hal ini, deklarasi terus menyeru kepada kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menambahbaik keadaan mereka secepat mungkin. Namun, deklarasi selanjutnya menekankan bahawa adalah penting semangat kesamarataan dibayangkan dalam perlembagaan sebagai undang-undang asas negara, suatu prinsip yang didukung oleh negara bangsa di seluruh dunia. Deklarasi tersebut juga menerangkan bahawa hak kewarganegaraan yang dituntut difahami sebagai hak kehidupan dan bukan untuk mencapai cita-cita politik. Ia diperlukan supaya kesetiaan generasi muda boleh dipupuk dengan semangat "hidup bersama, makmur bersama" di mana hak yang dinikmati setanding dengan tanggungjawab yang dipikul. Deklarasi berakhir dengan menjelaskan bahawa kemerdekaan dan perpaduan memang diutamakan dan tindakan perhimpunan adalah berasaskan patriotisme terhadap Malaya (*Nanyang Siang Pao*, 1956q; Choi, 1990: 336).

KESIMPULAN

Perbincangan tentang tindakan susulan yang diambil oleh Jawatankuasa Ad Hoc dan perjuangan mereka yang akhirnya menemui kegagalan adalah di luar skop artikel ini, dan telah dibicarakan dalam karya-karya lain (Khor, 2007; Choi, 1990: 337–342; Wong, 1980: 122–145, 134–136; Heng, 1988: 240–245; Oong, 1973: 86–97). Heng (1988: 242) berpendapat bahawa strategi UMNO yang memanipulasikan situasi dan menyekat akses Jawatankuasa Ad Hoc kepada pegawai British di London berkesan menggagalkan usaha mereka.

Walaupun syarat kerakyatan lebih berkenaan dengan laluan menjadi warganegara, dominasi UMNO dalam Perikatan juga dibayangkan serba sedikit pada aspek-aspek lain dalam perlembagaan. Sarjana sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan, Joseph Fernando, menyimpulkan bahawa draf Suruhanjaya Reid berusaha mencapai keseimbangan kepentingan dan hak di antara kaum Melayu dan bukan-Melaya berasaskan cadangan Perikatan.¹³ Draf tersebut seterusnya diubahsuai oleh *Working Party* yang dianggotai oleh Perikatan dan Raja-raja, dan

keseimbangan itu diganggu susulan perubahan yang diperkenalkan oleh UMNO yang tunduk kepada tekanan daripada golongan radikal di dalam dan di luar parti. Akibatnya, perbezaan di antara warganegara kaum Melayu dengan warganegara kaum bukan Melayu ditonjolkan secara kekal. Perbezaan ini menggalakkan perkauman dan juga menjejaskan sifat demokratik serta perlindungan hak asasi dalam perlembagaan (Fernando, 2002: 167).

Akhirnya, prinsip *jus soli* hanya diguna pakai ke atas mereka yang dilahirkan pada dan selepas hari kemerdekaan, dan syarat tempoh pemastautinan yang dikenakan juga lebih daripada yang dituntut. Ujian bahasa dikekalkan melainkan jika permohonan kewarganegaraan dibuat dalam satu tahun selepas kemerdekaan oleh mereka yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Cadangan MCA dan Malayan Indian Congress (MIC) supaya bahasa Cina dan Tamil digunakan dalam majlis-majlis perundangan selama 10 tahun selepas kemerdekaan, walaupun diperkenankan oleh Suruhanjaya Reid, akhirnya juga digugurkan. Daripada kaca mata komuniti Cina, syarat-syarat tambahan yang dikenakan ke atas penduduk bukan Melayu yang dilahirkan di negeri-negeri Melayu melanggar prinsip layanan saksama, bukan sahaja berbanding dengan kaum Melayu, bahkan juga dengan penduduk Cina Selat, yang bukan sahaja menjadi warganegara secara automatik, bahkan dibenarkan untuk mengekalkan status kewarganegaraan komanwel mereka. Walaupun perjuangan tersebut tidak mencapai kejayaan, proses ini merupakan sebahagian sejarah politik yang penting bagi komuniti Cina bahkan dalam sejarah pembinaan negara bangsa Malaysia. Pertempuran perspektif negara bangsa ini tidak berakhir pada kemerdekaan, dan aspirasi yang dinyatakan terus dipertahankan dalam MCA oleh pemimpin seperti Lim Chong Eu, dan di luar MCA oleh masyarakat sivil Cina terutamanya gerakan pendidikan Cina yang menerima sokongan padu daripada akar umbi masyarakat Cina.

NOTA

1. Hal ini jelas diakui oleh Heng (1988: 244) yang mengatakan bahawa "*the CRCGA represented the Chinese position more accurately than the MCA*".
2. Jawatankuasa Ad Hoc ini diberi nama Council of Representatives of Chinese Guilds and Associations (CRCGA) dalam Heng (1988: 240), dan juga Fernando (2002: 83) yang merujuk kepada Heng (1988), walaupun nama ini tidak digunakan dalam akhbar Cina. Khor (2007) merujuk kepada jawatankuasa sebagai "*Working Committee of Pan-Malayan Federation of Chinese Associations (PMFCA)*," namun PMFCA yang digelar *Zonggonghui* dalam artikel ini sebenarnya tidak dibentuk, walaupun memorandum berkenaan yang diserahkan kepada Suruhanjaya Reid menggunakan nama itu. Dalam artikel ini, gelaran "Jawatankuasa Ad Hoc" digunakan.

3. Wujudnya kesalahan fakta dalam Heng (1988), di mana beliau menyatakan bahawa Lim Lian Geok adalah bekas pemimpin Kuomintang (p. 243) dan MCA (p. 71). Lim tidak pernah menyertai kedua-dua organisasi tersebut.
4. Dalam memorandum beliau bertarikh 31 Disember 1945 kepada Pejabat Kolonial, Brigadier A.T. Newbould, Timbalan Ketua Pegawai Urusan Sivil bagi Bahagian Semenanjung Pentadbiran Tentera British, mengatakan bahawa, "*The Malayan Citizenship proposal has caused far more heartburning than that for Union.*" (Stockwell, 1995, Vol. I: 189).
5. Menurut nota pegawai British H. T. Bourdillon bertarikh 14 September 1946, pada permulaan perundingan dengan wakil UMNO dan Raja-raja tentang perlembagaan yang akan menggantikan Pelan Kesatuan Malayan, pihak British masih berharap dapat meyakinkan mereka untuk menerima kewarganegaraan berkongsi dengan hujahan bahawa "*Chinese born in the Malay States have always been treated as British Protected Persons in the past, and this is still the case*" (Stockwell, 1995, Vol. I: 260).
6. Sila rujuk juga Fernando (2012: 296) yang menyebut bahawa persetujuan ini dicapai pada mesyuarat CLC bertarikh 10–11 Februari 1950.
7. Perspektif ini dinyatakan dalam memorandum yang diserahkan oleh Jawatankuasa Ad Hoc kepada Suruhanjaya Reid seperti berikut: "*Chinese born in the so called Malay States before the war were treated as British Protected Persons and granted British Passports when they travelled abroad. This is no longer now the case and the status, if there is any left, of a Malay State-born Chinese is therefore infinitely worse now than before the war. This reduction or deprivation of his status has virtually reduced him to a political outcast.*" (Part I, No. 5).
8. Tan telah menyatakan kekecewaan beliau dan menyerahkan memorandum berkenaan draf perundangan kerakyatan kepada Pesuruhjaya Tinggi Sir Henry Gurney dan Pesuruhjaya Umum Malcolm MacDonald. Surat MacDonald kepada Tan bertarikh 23 April 1951 menyebut ketidaksenangan beliau bahawa Tan "*should feel so critical*" (Koleksi Kertas Tan Cheng Lock : Surat Malcolm MacDonald bertarikh 23 April 1951).
9. Lihat juga dokumen bertajuk "*MCA-UMNO blue print*" yang dilampirkan dengan surat Sir D. MacGillivray kepada MacDonald bertarikh 17 April 1953 (Stockwell, 1995: 459).
10. Lihat juga Heng (1988: 205). Menurut anggaran rasmi, pada akhir 1953, jumlah penduduk di Tanah Melayu adalah 5.71 juta, dan 4.18 juta dijangka telah menjadi warganegara (Ratnam, 1965: 92–93), dan ini bermaksud hanya 73.2% daripada penduduk memperoleh kewarganegaraan. Lebih kurang 50% penduduk Cina di Tanah Melayu masih tiada status kewarganegaraan pada masa itu (Heng 1988: 155).
11. Maklumat tentang *Big Four* dikumpulkan dari Lee dan Chow (1997), Kamus Persatuan Cina Malaysia (1980), Heng (1988), Tan (1997), *Nanyang Siang Pao* (1959a; 1959b).
12. Wujudnya aliran perspektif kedua dalam komuniti Melayu yang "*by and large ... agree with the view that the Malays only constitute one of the major communities (although the most important) in the Malayan plural society; they accept that it takes Malays and non-Malays alike to make the Malayan nation*" (Ratnam, 1965:

- 112). Ratnam (1965) berpendapat bahawa pada waktu kemerdekaan, perspektif komuniti Melayu tidak bersepakat, namun pengaruh perspektif pertama menjadi semakin meningkat.
13. Sebenarnya, suruhanjaya hanya membuat cadangan yang berlainan daripada *Alliance Testament* tentang isu status agama Islam dan dwi-kewarganegaraan.

RUJUKAN

- Brown, D. 2000. *Contemporary nationalism: Civic, ethnocultural and multicultural politics*. London: Routledge.
- Carnell, F. G. 1952. Malayan citizenship legislation. *The International & Comparative Law Quarterly* 1(4): 504–518. <https://doi.org/10.1093/iclqaj/1.Pt4.504>
- Chan, H. C. 1965. The Malayan Chinese Association. MA diss., Department of Political Science, University of Singapore.
- Cheah, B. K. 1978. Malayan Chinese and the citizenship issue, 1945–48. *Review of Indonesian & Malayan Affairs* 12(2): 95–122.
- Choi, K. K. 1990. *Xinma huaren guojia rentong de zhuanxiang 1945–1959 (Evolution of national identity among the Chinese in Singapore and Malaya, 1945–1959)*. Singapore: The South Seas Society.
- Emerson, R. 1964. *Malaysia – A study in direct and indirect rule*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Fernando, J. 2012. The role of the communities liaison committee in Malaya, 1949–1951. *Journal of Southeast Asian Studies* 43(2): 280–301. <https://doi.org/10.1017/S0022463412000069>
- . 2009. *The alliance road to independence*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- . 2002. *The making of the Malayan constitution*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Heng, P. K. 1988. *Chinese politics in Malaysia: A history of the Malaysian Chinese Association*. Singapore: Oxford University Press.
- Ho Chick Kwan v. The British Resident, Selangor & Anor. 1932. *Malayan Law Journal*, 1: 99–106.
- Khor, T. H. 2007. Towards the larger objective of Malayan independence: The Chinese community and the independence movement. In *Malaysian Chinese and nation-building: Before Merdeka and fifty years after (Vol. I)*, ed. P. K. Voon, 95–128. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Lau, A. 1991. *The Malayan Union controversy 1942–1948*. Singapore: Oxford University Press.
- Lee, K. H. and M. S. Chow. 1997. *Biographical dictionary of the Chinese in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Lim, L. G. 1990. *Fengyu shiba nian (18 years of ups and downs) (Vol.II)*. Kuala Lumpur: Lim Lian Geok Foundation Committee.

- Low, C. C. 2013. *Isu dwikerakyatan dalam pembentukan kewarganegaraan Malaysia 1900–1965*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Milner, A. and H. Ting. 2014. Race and its competing paradigms: A historical review. In *Transforming Malaysia: Dominant & competing paradigms*, eds. A. Milner, Abdul Rahman Embong and S. Y. Tham, 18–58. Singapore: ISEAS. <https://doi.org/10.1355/9789814517928-006>
- Mohamed Suffian Hashim. 1972. *Introduction to the constitution of Malaysia*. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Nanyang Siang Pao. 1959a. Xue hua ren hang tuan zong hui zhu xi Liang Zhi Xiang zuo bing shi yi yuan, yi ti ding yu ben xing qi ri fa yin huan shan (雪华人行团总会主席梁志翔昨病逝医院, 遗体定于本星期日发引还山 Pengerusi Hangzong Cina Selangor Leong Chi Cheong meninggal dunia di hospital semalam, akan dikebumikan pada hari Ahad). 14 March. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19590314-1.2.32.7> (accessed 19 April 2018).
- . 1959b. Dian xing zu shi. jia yu chang liu. Xue shang ye zhi yuan gong hui ji nian chuang ban ren, ju xing zhui dao Liang Zhi Xiang da hui (典型足式。佳誉长留。雪商业职员公会纪念创办人, 举行追悼梁志翔大会 Satu memorial memperingati pengasas Persatuan Pekedai dan Pekerja Leong Chi Cheong akan diadakan). 21 September. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19590921-1.2.28.4> (accessed 19 April 2018).
- . 1956a. Xue Hua Hang Tuan Zong Hui lian xi hui yi, jian jue fandui yapian gong mai, yao qiu shen qing gong min quan zhe, wu xu yu yan kao shi, waidi lai ma zhe yuexin gai wei erbai wushi yuan (雪华行团总会联席会议, 坚决反对鸦片公卖要求申请公民权者, 无须语言考试, 外地來馬者月薪改為二百五十元 Hangzong Cina Selangor mengadakan mesyuarat, membantah secara tegas penjualan opium terbuka, mencadangkan supaya ujian bahasa digugurkan sebagai syarat kelayakan untuk mendapat kewarganegaraan, gaji pekerja dari luar Malaya ditukarkan kepada dua ratus lima puluh yuan). 7 March. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560307-1.2.39.1> (accessed 25 August 2017).
- . 1956b. Pi Li qiao tuan dai biao da hui xiang xian cao wei yuan hui ti gong yi jian: ma lai ya tu di ji zhu quan wei ge min zu suo gong you, zai ma chu sheng nan nu jun wei dang ran ma lai ya guo min, ge min zu dui ma tong jin yi wu yi ying gong xiang quan li, ge min zu tong yong yu yan ying lie wei ma lai ya guo yu (霹雳侨团代表大会向宪草委员会提供意见: 马来亚土地及主权为各民族所共有, 在马出生男女均为当然马来亚国民, 各民族对马同尽义务亦应共享权利, 各民族通用语言应列为马来亚国语 Wakil Pertubuhan Cina Perak memberi cadangan kepada Suruhanjaya Reid agar hak pemilikan tanah dan kedaulatan Malaya dikongsi oleh semua bangsa, mereka yang dilahirkan di Tanah Melayu wajar dianggap rakyat Malaya, setiap bangsa melaksanakan tanggungjawab bersama-sama dan mesti menikmati hak saksama, bahasa setiap bangsa mesti dijadikan bahasa kebangsaan Malaya). 19 March. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560319-1.2.20.1> (accessed 23 August 2017).

- _____. 1956c. Xue Zhou Qiao Tuan dai biao dahui yi jue xiang xian zhi diao cha tuan ti gong yi jian: fan zai dang di chu sheng hua ren wei dang ran gong min, shen qing gong min quan wu xu jing guo yu yan kao shi, ge min zu jiao yu ping deng, yi mu yu wei mei jie, zhong ying wu yin si zhong yu wen wei guan fang yu wen, fan ju liu ben bang zhe ying yong you tu di zhu quan (雪州侨团代表大会决议向宪制调查团提供意见: 凡在当地出生华人为当然公民, 申请公民权无须经过语言考试, 各民族教育平等以母语为媒介, 中英巫印四种语文为官方语文, 凡居留本邦者应拥有土地主权 Mesyuarat Perwakilan Persatuan Cina Selangor memutuskan mencadangkan kepada Suruhanjaya Reid supaya orang Cina kelahiran tempatan wajar dijadikan rakyat, pemohonan kerakyatan dikecualikan daripada ujian kelayakan bahasa, layanan sama rata tentang pendidikan setiap bangsa dengan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa penghantar di sekolah, bahasa Cina, Inggeris, Melayu dan Tamil dijadikan bahasa rasmi, dan hak pemilikan tanah untuk semua penduduk persekutuan). 28 March. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560328-1.2.20.7> (accessed 25 August 2017).
- _____. 1956d. Xue hua hang tuan zong hui jue qing zhong hua da hui tang, zhao kai she tuan dai biao da hui, shang tao du li hou hua ren qie shen wen ti (雪华行团总会决议请中华大会堂, 召开社团代表大会, 商讨独立后华人切身问题 Hangzong Cina Selangor menjemput Dewan Perhimpunan Cina untuk menganjurkan perhimpunan wakil persatuan bagi membincangkan isu-isu penting masyarakat Cina selepas kemerdekaan). 12 April. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560412-1.2.41.6> (accessed 23 August 2017).
- _____. 1956e. Zheng qu chu sheng di gong min quan, pi qiao tuan zan cheng xue jian yi zhao kai ma qiao tuan dai biao da hui, bin shu wei qiao ling fa biao tan hua ji li zhi chi (争取出生地公民权, 霹侨团赞成雪建议召开马侨团代表大会, 檳数位侨领发表谈话极力支持 Perjuangan hak kerakyatan jus soli, Persatuan Cina Perak bersetuju dengan cadangan Selangor bagi mengadakan perhimpunan perwakilan persatuan Cina SeMalaya, beberapa pemimpin Cina di Pulau Pinang mendeklarasikan sokongan kuat mereka). 13 April. <http://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Page/nysp19560413-1.1.10> (accessed 25 August 2017).
- _____. 1956f. Lin Lian Yu deng wu Chen Zhen Lu Chen Xiu Xin wei zheng qu gong min quan er xie shang, ren wei ying fa qi quan ma hua ren she tuan dai biao da hui (林连玉等晤陈祯禄陈修信为争取公民权而协商, 认为应发起全马华人社团代表大会 Lim Lian Geok bertemu dengan Tan Cheng Lock dan Tan Siew Sin bagi membincangkan perjuangan hak kewarganegaraan dan bersetuju keperluan menganjurkan perhimpunan wakil persatuan Cina SeMalaya). 14 April. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560414-1.2.37.12> (accessed 23 August 2017).

- _____. 1956g. Xue Zhong Hua Da Hui Tang jue lian he zhao kai ma hua she tuan dai biao da hui, shou quan wei yuan hui yu qi ta san tuan ti hui shang (雪中华大会堂决联合召开马华社团代表大会, 授权委员会与其他三团体会商 Dewan Perhimpunan Cina Selangor menganjurkan perhimpunan wakil pertubuhan Cina SeMalaya, menurunkan kuasa kepada sebuah jawatankuasa untuk berbincang dengan tiga pertubuhan Cina yang lain). 17 April. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Issue/nysp19560417-1> (accessed 23 August 2017).
- _____. 1956h. Chu sheng di gong min quan ru bei hu shi, quan ma jiang fa dong ba shi yi tian, bing cu ge ji yi hui min xuan hua ji yi yuan zong ci zhi, jiao zong fu ze san shi wan ren qian min yong hu (出生地公民权如被忽视, 全马将发动罢市一天, 并促各级议会民选华籍议员总辞职, 教总负责三十万人签名拥护 Sekiranya kerakyatan jus soli diabaikan, hartal akan diadakan selama satu hari di seluruh Malaya, para wakil Cina majlis-majlis pada semua peringkat digesa meletak jawatan secara beramai-ramai, Jiao Zong bertanggungjawab mendapatkan 300,000 tandatangan sokongan daripada masyarakat Cina). 17 April. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560417-1.2.40.9> (accessed 25 August 2017).
- _____. 1956i. Zheng qu chu sheng di gong min quan, quan ma hua ren she tuan dai biao da hui, ding er shi qi ri zai long ju xing, jiang zu fan ma hua ren zong hui (争取出生地公民权, 全马华人社团代表大会, 定二十七日在隆举行, 将组泛马华人总会 Demi perjuangkan kerakyatan jus soli, satu perhimpunan wakil pertubuhan Cina akan diadakan di Kuala Lumpur pada 27 April, akan menubuhkan Gabungan Persatuan-persatuan Cina Pan-Malaya). 18 April. http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560418-1.2.38.3_ (accessed 23 August 2017).
- _____. 1956j. Jiao Zong xuan chu qi zhuan yuan chu xi chou bei hui yi, dui zu zong gong hui bu biao shi tai du, Lin Lian Yu bao gao jing guo xiang qing (教总选出七专员出席筹备会议, 对组总公会不表示态度, 林连玉报告经过详情 Jiao Zong melantik tujuh wakil bagi menghadiri mesyuarat persediaan perhimpunan, tidak memberi pendirian terhadap pembentukan zonggonghui, Lim Lian Geok melaporkan maklumat terperinci). 20 April. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560420-1.241.6> (accessed 23 August 2017).
- _____. 1956k. Ma Hua zong mi shu Liang yu gao zuo chan ming dui gong ming quan tai du, hui ji quan ma hua ren yi jian, ti cheng bei wang lu, zi ji ru guo xian fen lie li liang ji shi fen san (马华总秘书梁宇皋昨阐明对公民权态度, 汇集全马华人意见, 提呈备忘录, 自己如果先分裂力量即时分散 Leong Yew Koh, Setiausaha agung MCA semalam menjelaskan pandangan terhadap hak kewarganegaraan, mengumpul pandangan masyarakat Cina bagi menyediakan satu memorandum, jika sendiri tidak bersatupadu maka kuasa juga tersebar). 21 April. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560421-1.2.35.1> (accessed 29 August 2017).

- _____. 1956l. Xue zhong hua da hui tang zuo fabiao sheng ming ma hua da hui ru tao lun zu zhi zong hui, shou xu bu he wei bian fu ze (雪中华大会堂昨发表声明, 马华大会如讨论组织总会, 手续不合未便负责 Dewan Perhimpunan Cina Selangor mengumumkan pendirian bahawa jika perhimpunan persatuan-persatuan Cina membincangkan penubuhan zong hui, tidak rela bertanggungjawab kerana tidak mematuhi prosedur). 22 April. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560422-1.2.45.8> (accessed 23 August 2017).
- _____. 1956m. Ma si da tuan ti zhuan yuan hui yi jue ding, ma qiao tuan dai biao zheng qu gong min quan da hui, er shi qi ri zai long jing wu da sha ju xing, qu xiao zu zhi lian he bang hua ren zong gong hui (马四大团体专员会议决定, 马侨团代表争取公民权大会二十七日在隆精武大厦举行, 取消组织联合邦华人总公会 Mesyuarat Jawatankuasa empat pertubuhan Cina memutuskan, perhimpunan wakil persatuan Cina SeMalaya demi perjuangan hak kewarganegaraan diadakan pada 27 Mac di Wisma Chin Woo, membatalkan pembentukan Gabungan Persatuan-persatuan Cina Pan-Malaya). 22 April. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560422-1.2.37.3> (accessed 23 August 2017).
- _____. 1956n. Xue hua she tuan dai biao da hui yi jue zheng qu gong min quan san yao an, you Ma Hua Gong Hui ti cheng xian zhi tiao cha tuan (雪华社团代表大会决争取公民权三要案, 由马华公会提呈宪制调查团 Wakil pertubuhan Cina Selangor memutuskan tiga usul tentang perjuangan hak kewarganegaraan, akan dibentangkan oleh MCA kepada Suruhanjaya Reid). 24 April. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560424-1.2.43.1> (accessed 29 August 2017).
- _____. 1956o. Chuang Malaiya lishi xin ye, Ma hua si bai yu tuan ti dai biao qian yu ming, yi zhi zan cheng zheng qu gong ming quan. bei wang lu zheng ben you zu xi tuan qian ming qin di xian zhi tuan. Qian min yun dong jiang ge shi zhi fen fa ge zhou zi xing ban li, shou kui dui Liu Bo Qun bu li pi ping da hui jue ti kang yi (創馬來亞歷史新頁, 马华四百余团体代表千余名, 一致赞成争取公民权。备忘录正本由主席团签名亲递宪制团。签名运动将格式纸分发各州自行办理。首揆对刘伯群不利批评大会决提抗议 Halaman baru dalam sejarah Malaya, lebih daripada seribu orang selaku wakil lebih 400 ratus pertubuhan Cina di Tanah Melayu sebulat suara menyokong perjuangan kewarganegaraan. Salinan asal memorandum yang ditandatangani oleh presidium akan diserahkan kepada Suruhanjaya Reid dengan tangan. Bagi kempen tandatangan borang akan diedarkan kepada setiap negeri dan dikendalikan masing-masing. Perhimpunan membantah kritikan Perdana Menteri terhadap Lau Pak Khuan). 28 April. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560428-1.2.35.10> (accessed 23 August 2017).
- _____. 1956p. Cheng li shi wu ren gong zuo wei yuan hui, ban li da hui wei jue shi xiang (成立十五人工作委员会, 办理大会未决事项 Pelantikan 15 anggota jawatankuasa bagi mengendalikan isu yang belum diselesaikan dalam perhimpunan). 28 April. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560428-1.2.35.2> (accessed 23 August 2017).

- _____. 1956q. Ma hua zhu ce she tuan dai biao da hui zheng qu gong ming quan xuan yan (马华注册社团代表大会争取公民权宣言 Deklarasi Perhimpunan Wakil Pertubuhan-Pertubuhan Berdaftar Cina SeMalaya Demi Perjuangan Hak Kewarganegaraan). 28 April. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560428-1.2.35.8> (accessed 23 Ogos 2017).
- _____. 1956r. Dong Gu zuo ri fa biao sheng ming Liang Zhi Xiang yao qiu gong min quan jing zai hui zhong gao hu zhong hua min guo wan sui ben bang bu nen rong ren ci shuang chong yi yi cun zai (东姑昨日发表声明梁志翔要求公民权竟在会中高呼中华民国万岁本邦不能容忍此双重意义存在 Tunku Abdul Rahman membidas tindakan Leong Chee Cheong yang memohon hak kewarganegaraan namun melaungkan "Hidup Republik China!" dalam majlis makan malam, persekutuan tidak membenarkan "double dealing"). 1 May. <http://www.eresource.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19560501-1.2.37.4> (accessed 19 April 2018).
- Oong, H. C. 2000. *Chinese politics in Malaya 1942–55*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 1973. Partai Malayan 1956–1963: Satu tinjauan tentang perjuangannya (Malayan Party 1956–1963: A survey of its struggle). Bachelor's degree diss., Department of History, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ratnam, K. J. 1965. *Communalism and the political process in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Singapore Free Press*. 1956a. Jus soli call "reasonable". 13 April.
- _____. 1956b. Jus soli: UMNO gives its verdict. 10 April.
- _____. 1956c. UMNO leaders decry jus soli. 2 April.
- Sinnadurai, V. 1978. The citizenship laws of Malaysia. In *The constitution of Malaysia: Its development, 1957–1977*, eds. Tun Mohamed Suffian, H. P. Lee, F. A. Trindade, 69–100. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Stockwell, A. J. ed., 1995. *Malaya : Vol. I–III*. London: HMSO.
- Tan, C. L. n.d. Letter to a friend in Kuala Lumpur. In *A collection of correspondence by Tan Cheng Lock*, 14–17. Singapore: Craftsman Press Ltd (Koleksi TCL).
- Tan, L. E. 1997. *The politics of Chinese education in Malaya, 1945–1961*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- _____. 1988. *The rhetoric of bangsa and minzu: Community and nation in tension, the Malay Peninsula*. Melbourne: Centre of Southeast Asian Studies, Monash University.
- The Pan-Malayan Federation of Chinese Associations. 1956. Confidential memorandum submitted to the Reid Constitutional Commission.
- The Straits Times*. 1956a. Tengku breaks silence – be fair, reasonable, non-Malays told. 23 April.
- _____. 1956b. Jus soli: MCA has "a plan of action." 20 April.
- _____. 1956c. Jus soli: tension revived – But "Big 4" plan does not worry MCA leader. 19 April.
- _____. 1956d. Jus soli – MCA shaken. 17 April.
- _____. 1956e. MCA play lone hand. 16 April.
- _____. 1956f. Jus soli: Tengku promised, says Tan. 14 April.

- _____. 1956g. Citizenship – Now a split looms before the MCA. 12 April.
- _____. 1956h. Crisis faces Alliance, Jus soli: No decision. 11 April.
- _____. 1956i. Malay only "Demand by UMNO Party". 3 April.
- _____. 1956j. "Jus soli?" Tengku won't say a word. 1 April.
- _____. 1956k. Equal rights for equal duties– Chinese appeal to MPs, 23 March.
- _____. 1956l. Emergency can't end without active support of Chinese. 15 March.
- _____. 1956m. Union leaders hit out at Constitution Commission. 11 March.
- _____. 1950. Broader citizenship is urged. 19 April.
- The United Kingdom Colonial Office. 1957. *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission*. London: Her Majesty's Stationery Office.
- Ting, H. 2009a. The politics of national identity in West Malaysia: Continued mutation or critical transition? *Southeast Asian Studies (Kyoto University)* 47(1): 29–49.
- _____. 2009b. Malaysian history textbooks and the discourse of *Ketuanan Melayu*. In *Race and multiculturalism in Malaysia and Singapore*, eds. D. Goh, P. Holden, M. Gabrielpillai & G. C. Khoo, 36–52. London & New York: Routledge.
- Wang, G. 1981. Chinese politics in Malaya. In *Community & nation: Essays on Southeast Asia and the Chinese*, 173–200. Canberra & Singapore: Asian Studies Association of Australia & Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Wong, Y. N. 1980. The role of Chinese organizations in Malayan politics (1945–1957): Special reference to citizenship and education. MA diss., Institute of Chinese Studies, Universiti Malaya.
- Yiqian Organisasi Penyelidikan. 1980. *Kamus Persatuan Cina Malaysia (Malaixiya huaren shetuan cidian)*. Kuala Lumpur: Yiqian Organisasi Penyelidikan.

Koleksi Kertas Tan Cheng Lock (TCL), Arkib Negara, Kuala Lumpur

- Memorandum submitted to the Right Honourable Oliver Lyttelton, Secretary of State for the Colonies, by a Malayan Chinese Association Delegation headed by Dato Tan Cheng Lock, D.P.M.J., C.B.E., J.P., at King's House, Kuala Lumpur on 2nd December 1951, Ref. 2002/0022422, 1951.
- Presidential Address at the Annual Meeting of the Central General Committee of the Malayan Chinese Association at Kuala Lumpur on 21st April 1951, Ref. No. 2006/0038176, 1951.
- Speech by Dato Sir Cheng-Lock Tan at the Emergency Meeting of the General Committee of the Malayan Chinese Association at Kuala Lumpur on 13th June 1954, with Speech by the Hon'ble Tunku Abdul Rahman at the Central General Committee Meeting of the Malayan Chinese Association, held at Hotel Majestic Roof Garden on Sunday, 13th June 1954, Ref. No. 2002/0022442, 1954.
- Surat Pesuruhjaya Tinggi, Sir Henry Gurney kepada Tan Cheng Lock bertarikh 14 April 1951, untuk membalas surat Tan Cheng Lock dan memorandum bertarikh 11 April 1951, No. rujukan fail 2006/0037864, 1951.
- Surat Pesuruhjaya Umum, Malcolm MacDonald kepada Tan Cheng Lock bertarikh 23 April 1951, untuk membalas surat Tan Cheng Lock yang melampirkan memorandum tentang draft pindaan kepada perlembagaan berkenaan perundangan kerakyatan, No. rujukan fail 2006/0037877, 1951.

Koleksi Kertas H. S. Lee, Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), Singapura

Memorandum by Tunku Abdul Rahman (redrafts) on Citizenship for the Alliance National Platform for Federal Elections, 17th March 1955, Ref. 5(a) – 5.6, 1955.

Minutes of the informal meeting of UMNO and MCA representatives held at the Selangor Chinese Miners' Association, Foch Avenue, Kuala Lumpur, on Tuesday, 3 February 1953, at 10.45 a.m., Ref. 73.3/67–73.3/72, 1953.

Surat daripada Tan Cheng Lock kepada Yong Shook Lin bertajuk, Communities Liaison Committee bertarikh 19 Januari 1950, No. rujukan fail 73.3/63, 1950.